


TINTA PREMIER

www.psa.mypolycc.edu.my

PASSIONATE, SYNERGIZE & AGILE

EDISI 2/2020



Fasa Memacu Kecemerlangan

Intelligent Thinking : Bigdata @PSA
Pusat Bertauliah PSA Pemangkin TVET Negara

PSA Prihatin: We Care We Share



ISSN 2773-5249



Eksklusif

AKTIVITI DR. HJ. MOHD. ZAHARI BIN ISMAIL
KOLEKSI GAMBAR AKTIVITI SEPANJANG JUN-DIS 2020

@pssaas @psa_pssaas @PSA_PSSAAS @PSA TV





Kandungan

PEMBUKA BICARA KETUA PENGARAH PARADIGMA PENGARAH

FOKUS

Intelligent Thinking : Bigdata @PSA

Pusat Bertauliah PSA Pemangkin TVET Negara

PSA PRIHATIN

We Care We Share

Foodbank YaPIEM 2.0 Sumbang Pek Makanan (Ready To Eat-RTE)

PSA Terima Sumbangan Majlis Lembaga Zakat Selangor



NORMA BAHRU

Tinjauan corak Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian	15
Penilaian Alternatif: Taklimat dan Motivasi oleh Prof. Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah	16
PDPdT Sewaktu Pandemik: Kesempatan atau Peluang	16
Webinar Langsung : Perisian Pengurusan Rujukan	17
Ucaptama di Persada Global	17
Solat Jumaat Pertama Selepas PKP 1.0	18
Pendaftaran Siswa Pandu Lalu	18
Perhimpunan Staf Secara Maya	18

AKADEMIK

Dialog Prestasi Pemangkin Kecemerlangan Program Ijazah Sarjana Muda	21
PSA Membolot 20 Pingat Dalam Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2020	21
Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu	24
Kepimpinan Baharu Program Ijazah Teknologi Pengurusan Fasiliti	25
PSA Raih Perak dalam Asia International Innovation Exhibition (AIINEX 2020)	25
Tampil Bergaya Johan Pertandingan Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2020	26
PSA Raih Perak dalam Borneo Innovation Festival 2020 (BIF 2020)	26
PSA Menang Kategori Fundamental Awards Dalam Malaysian Polytechnic Sustainability Award 2020	27
Anugerah Kertas Penyelidikan Terbaik	28
Celcom-Google Siswapreneur 2020	28
Gerak Usahawan Kampus 2020	29

NICHE AREA

Mawlid Meet Techno-Huffaz Sempena Bulan Kelahiran Rasulullah	30
PSA Lahirkan Graduan Sulung Techno Huffaz	30
Khidmat Komuniti CMET Di Klinik Kesihatan UiTM, Shah Alam	32
Lawatan Penandaarasan oleh Bahagian Higien Industri dan Ergonomik, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia	32
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan CMET 2020	33
Lawatan Penandaarasan oleh Team Airbus MRO, Politeknik Banting Selangor	33

HALAMAN

6
7

8
11

13
14
14

PEMBANGUNAN INSTITUSI DAN STAF

Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang KPT 2019	34
Pembangunan Kepimpinan Akademik PSA 2020	34
Bengkel Pelan Strategik PSA 2021-2025	35
Penerokaan Bidang Robotik Dalam Menyokong Strategi 4IR Satellite Flagships (PSAS – Autonomous Vehicle)	36
Persediaan Kecemerlangan PdPDT di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	36
ISO45001 : 2018 Persekitaran Pekerjaan PSA Diiktiraf Sihat dan Selamat	37
Bengkel Persediaan ke arah Pensijilan EOMS ISO 21001:2008	38

KOLABORASI

Kerjasama Strategik YTL dan PSA dalam Pendigitalan Pendidikan	39
Agreed Minutes Meeting antara PSA dan PCR Melalui Perkongsian Sumber Digital TVET	40
Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Bersama Lincoln University College dan Sasbadi Holdings Berhad	41

SUKAN DAN REKREASI

PSA ontrend dengan Fenomena eSports	43
PSA Pusat Kecemerlangan Atlit Woodball Anjur Kursus Woodball Tahniah En. Ahmad Khairi Aswad, Jurulatih Terbaik POLYSEA 2019!	44

RANGKUMAN AKTIVITI**Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020**

- Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kejohanan Woodball @Merdeka	47
- Pertandingan Hiasan Kemerdekaan	47
- Pertandingan e-Poster	48
- Pertandingan Swafoto,	48
- Tayangan Filem Patriotik dan Kuiz Kemerdekaan Dalam Talian	48
- Majlis Bacaan Yasin	48
- Kembara Prihatin Jejak Merdeka	49
- Treasure Hunt Merdeka	50
- Kembara Jejak Pahlawan	50
- Perhimpunan Staf Bilangan 3/2020 anjuran Jabatan Kejuruteraan Awam	51
- Masjid Bagan Air Itam – PSA Merdeka Ride (MBAI - PSA Ride)	52
- Santuni Rewang @Merdeka	52
- Pameran Kemerdekaan di Kementerian Pengajian Tinggi	52
- Majlis Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Majlis Jasamu Dikenang	53

Sambutan 10 Tahun Politeknik Premier

- Horizon Baru Politeknik Premier	54
- Wall of Fame	55
- Hari Terbuka CMET	55
- Buletin CMET	56
- Research, Innovation and Commercialization Expo 2020 (RICE 2020)	56

BERITA STAF

PSA Raikan Persaraan Dr. Wan Nooraini Wan Kamaruddin dan En. Ho Men Boon	57
Belasungkawa buat Arwah En. Yusnidzam Basir	59
Pengurusan PSA Raikan Hari Lahir Ketua Jabatan Matematik dan Sains Komputer	59
PSA Raikan Majlis Perpisahan Pn. Siti Fatimah Wahab	60
Tahniah Dr. Zunuwanas Mohamad, Pelantikan Sebagai Timbalan Pengarah Akademik di Politeknik Bagan Datuk!	60
Kelahiran anak	61
Berpindah Keluar	62
Bertukar Masuk	63
Lantikan Baru	63
Pertukaran Dalaman	63
Cuti Belajar	64

SINOPSIS BUKU

12 Buku Penerbitan PSA	65
------------------------	----

VIRAL

Netizen Kagum Video Kreatif oleh Shaffuan, siswa Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	70
---	----

SEKALUNG PENGHARGAAN

71

Tim Penerbitan

Penasihat

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Penyelaras

Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Editor

Dr. Norhayati binti Ibrahim
Norhayati binti Majid
Herlina Ainizawati binti Zakaria

Senarai Penulis

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail
Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman
Dr. Norasiah binti Muhammad
Dr. Siti Khalijah binti Jamal
Dr. Ainul Haezah binti Noruzman
Dr. Hjh. Wan Rosemehah binti Wan Omar
Dr. Bibie Sara binti Salleh
Ts. Dr. Hj. Mohd Najib bin Hamdan
Ustaz Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria
Nazratulhuda binti Hashim
Asmira bin Ashari
Noorhaneyza binti Mat Noor
Husniyati binti Adnan
Jamaliah binti Jaafar
Nor Sham binti Hassan
Siti Azliya binti Ismail
Che Najah binti Che Noh
Siti Zaliha binti Omar@ Othman
Normasita binti Sulaiman
Natasya Mariz binti Mohamad
Seeni Mehraj Begam binti V.K.S Vyzul Karnine
Mohd Hariz bin Samian
Sarizun binti Mohamad Sidek
Zazurah binti Md. Zuini
Zurina binti Safee
Zarina binti Che Amin
Nurul Huda binti Mohamad Saleh
Zainab Hanina binti Abdul Samad
Norhayati binti Ahmad Alwi
Azleena binti Basiron
Norlina binti Ahmad

Fotografi

Halmy Effendy bin Rasol

Grafik

Mohd Firdaus bin Sedet

Tinta Premier
© Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Edisi Pertama Jun 2020
ISSN 2773-5249

Tinta Premier bertujuan menyebarluaskan pencapaian semasa PSA dalam melonjakkan kecemerlangan PSA sebagai Politeknik Premier.



Pembuka Bicara

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sepanjang tahun 2020, negara diuji dengan pandemik COVID-19 yang sehingga kini masih belum berakhir malah turut melanda seluruh dunia. Dalam usaha mengekang penularannya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan pencegahan dan kawalan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan serta arahan terhadap pematuhan prosedur operasi standard (SOP). Keadaan ini menuntut semua pihak untuk hidup dalam suasana norma baharu dan ini tidak terkecuali dalam perkhidmatan awam.

Sekalung penghargaan saya ucapan kepada warga PSA yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan segala tugas, program dan aktiviti walaupun menghadapi pelbagai kekangan sepanjang tempoh pandemik ini. Saya melihat PSA terus aktif melaksanakan pelbagai aktiviti sama ada untuk warga kerja, siswa mahupun bersama pihak luar. Tahniah sekali lagi PSA! Semoga dengan semua usaha ini, PSA akan terus maju dan cemerlang dalam melakar kejayaan sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Bekerja dari rumah bermakna staf perlu melaksanakan dua tugasan sekali gus iaitu tugasan hakiki pejabat dan urusan sehari-hari di rumah. Saya memahami yang kebanyakannya kita memainkan pelbagai peranan dalam satu masa contohnya sebagai pensyarah yang mengurus PdPDT, sebagai ibu atau bapa yang mengurus PdPR anak-anak dan dalam masa yang sama perlu mengurus keperluan keluarga di rumah. Semua ini tidak mudah namun kita perlu kreatif dan bijak mengendalikannya. Masalah adalah untuk diurus bukan untuk dirunsingkan. Besarkanlah jiwa masing-masing ketika mencari penyelesaian, supaya kita dapat menghadapinya dengan sabar dan berlapang dada.

Suka juga untuk saya ingatkan semua warga PSA agar sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan walau di mana anda berada. Umum mengetahui bahawa jumlah kes harian COVID-19 telah meningkat kepada empat digit sejak bulan Oktober 2020. Gelombang ketiga ini telah menunjukkan peningkatan ketara yang melibatkan kluster dari tempat kerja. Bersama-sama kita menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka berganda serta tidak berkumpul beramai-ramai untuk makan atau bersempang supaya kita dapat memutuskan rantaian COVID-19 ini. Semoga dengan amalan ini dapat menghindarkan kita semua daripada musibah yang berlaku.

Akhir kata, jika ingin menjadi pokok yang tinggi maka bersedia lah untuk ditiup angin. Jika tidak ingin menjadi pokok maka jadilah rumput di bumi. Tetapi awas, bersedia lah untuk sentiasa dipijak orang. Insha Allah, semoga semua perancangan PSA berjaya direalisasikan dan diberikan kemudahan dalam memperkasa TVET negara.

Salam hormat daripada saya;

TS. ZAINAB BINTI AHMAD

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Paradigma PENGARAH

Alhamdulillah, Tinta Premier Edisi ke 2/2020 telah berjaya diterbitkan. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang mengumpul dan menerbitkan buletin ini. Syabas dan jutaan terima kasih buat seluruh warga PSA kerana kita telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Bertaualiah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Pada masa yang sama kita turut berbangga kerana telah berjaya membangunkan projek Bigdata @PSA. Syabas sekali lagi untuk seluruh staf PSA terutamanya JMSK, ICT dan FITAC.

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada cara kita bekerja. Banyak norma baharu yang perlu dihadapi. Alhamdulillah, PSA telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum dalam norma baharu. Beberapa aktiviti berjalan seperti biasa termasuklah Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT), Penilaian Alternatif (PAlt), Webinar di dalam dan di luar negara malah turut mengadakan majlis menandatangani Agreed Minutes Meeting secara telesidang.

Mendepani kepantasannya dunia digital hari ini, kita tiada pilihan melainkan perlu bergerak seiring dengan teknologi. Seperti yang kerap diulang dalam iklan radio... "you lambat you tertinggal, bila you tertinggal, bisnes you boleh meninggal. Bila bisnes meninggal, you mesti menyesal..." Walaupun lirik itu merujuk kepada bisnes online, tetapi situasinya sama dengan kita yang berada dalam dunia pendidikan yang mesti menguasai kaedah online atau secara dalam talian. Projek Bigdata dilaksanakan untuk memastikan capaian terhadap satu-satu maklumat dapat dibuat dengan pantas dan berkesan. Keperluan maklumat yang tepat amat penting lebih-lebih lagi PSA menuju TVET 6.0 iaitu ke arah Intelligent Campus (IC). Konsep IC menekankan kepada 10 domain utama iaitu Integrated, Network, Technology, Ecosystem, Learning, Linkages, Innovation, Green, Enterprise and Noble. Kesemua domain ini adalah kriteria utama bagi mencapai hasrat TVET6.0 @PSA.

Di musim pandemik ini, sebahagian aktiviti yang telah dirancang berjaya dilaksanakan namun sebahagiannya terpaksa ditangguhkan terutamanya yang memerlukan pelaksanaan secara fizikal. Antara yang berjaya dilaksanakan ialah Sambutan Kemerdekaan PSA 2020 yang diisi dengan 17 acara. Walau bagaimanapun, Sambutan 10 Tahun Politeknik Premier tidak dapat dilaksanakan berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0). Selain itu banyak aktiviti lain yang dirancang terpaksa ditangguh, dibatal atau diubahsuai. Ini kerana PSA meletakkan keselamatan diri, keluarga dan masyarakat sebagai keutamaan di samping patuh terhadap arahan yang dikeluarkan kerajaan. InsyaAllah saya yakin kita mampu mengekang penularan COVID-19 jika semua pihak mematuhi SOP yang ditetapkan. Sentiasa amalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka berganda, kerap mencuci tangan serta elakkan berkumpul atau bersempadan sekiranya tidak perlu. Kita semua bertanggungjawab bagi melindungi keluarga, organisasi dan komuniti daripada COVID-19. Bersama kita berdoa supaya kita semua selamat dari pandemik ini.

Sekian, Wassalam.

DR. HJ. MOHD. ZAHARI BIN ISMAIL

Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



FOKUS




INTELLIGENT THINKING : Bigdata @PSA

Oleh : Ts. Dr. Ahmad Aftas bin Azman

Bigdata @PSA merupakan suatu Projek Pembangunan Sistem Hub Data PSA yang dibangunkan bagi tujuan untuk memantapkan lagi tahap kesahan maklumat yang diterima. Selain itu sistem Bigdata @PSA juga membolehkan pengguna mengakses kepada data secara langsung serta mesra pengguna. Malah tujuan utama sistem ini adalah bagi mewujudkan satu pangkalan data setempat yang terdapat pada semua sistem yang digunakan di PSA. Ia juga memaparkan status data semasa secara 'real time', terkini, tepat dan pantas.

Dalam usaha untuk menguruskan keselarasan dan kesahihan data, PSA telah membangunkan satu sistem pengurusan data yang lebih efisyen dan boleh dipercayai. Sistem ini akan diintegrasikan dengan sistem-sistem yang sedang digunakan oleh PSA pada masa kini, contohnya SPMP, ESIS dan lain-lain. Seterusnya Bigdata@PSA akan menggerakkan ke arah perkongsian data bijak (smart data sharing). Berikut merupakan objektif utama Projek Pembangunan Sistem Bigdata@PSA :

1. Memudahkan akses kepada data secara langsung serta mesra pengguna. Pengguna tidak perlu bergantung kepada pegawai tertentu untuk mencapai data secara dalam talian dengan pantas.
2. Memantapkan lagi tahap kesahan maklumat yang diterima. Semua pihak boleh mendapatkan maklumat yang seragam dan tidak bertindih. Sebarang pengemaskinian maklumat akan dilaksanakan secara keseluruhannya. Dengan itu, maklumat yang diperoleh mempunyai tahap kesahan yang tinggi.



Poster Bigdata@PSA

3. Mewujudkan satu pangkalan data setempat. Dengan adanya pangkalan data setempat, ia akan dijadikan sebagai salah satu media bagi pihak pengurusan dalam membuat keputusan yang lebih efisyen demi kepentingan organisasi.

4. Memaparkan status data semasa dan terkini secara visual.

Pada masa kini, PSA menghadapi masalah dalam pengurusan data terutamanya data pelajar. Sistem pengurusan maklumat pelajar (SPMP) yang digunakan dalam pengurusan data pelajar didapati tidak selaras dan sentiasa memerlukan pegawai tertentu untuk menjana laporan yang diperlukan. Pengurusan data merupakan salah satu daripada aspek yang utama dalam sesebuah organisasi. Ia juga merupakan salah satu daripada cabang Internet Pelbagai Benda (Internet of Things - IOT). Oleh yang demikian adalah penting bagi sesebuah organisasi menguruskan jumlah data yang banyak dengan kaedah yang lebih efektif supaya

proses capaian, analisa dan penjanaan laporan dapat dipersembahkan dengan lebih efisyen. Kaedah yang terbaik amat diperlukan bagi sesebuah organisasi untuk menyimpan, mengesan dan menganalisa data yang bakal dijana. Data perlu diuruskan dengan lebih teliti supaya ia lebih selamat dan boleh dipercayai. Kebolehpercayaan data amat penting dalam membuat keputusan yang terbaik bagi sesebuah organisasi.

Setiap sistem yang digunakan di PSA kini, didapati tidak dapat diintegrasikan dan diselaraskan secara keseluruhannya, ini kerana rekabentuk struktur pengkalan data adalah dalam bentuk silo database terhadap keperluan atau tujuan tertentu sahaja. Pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan data pula perlu mengambil masa untuk menjana laporan yang diperlukan. Selain itu, maklumat yang sama disimpan dalam pengkalan data yang berbeza. Sekiranya pengguna kemaskini maklumat dalam satu pangkalan data, kebarangkalian maklumat yang sama tidak dikemaskini dan ini akan mewujudkan maklumat pelajar yang sama tetapi ada maklumat lain yang tidak dikemaskini contohnya alamat atau nombor telefon.

PSA telah menempuh beberapa jenis pengauditan seperti Malaysia Qualification Accreditation (MQA), Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC), Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) dan Education Organizations Management System (EOMS) menggantikan audit SIRIM MS ISO 9001:2015. Setiap siri pengauditan memerlukan pengumpulan dan penganalisaan data yang teliti. Setiap pihak yang memerlukan data akan merujuk kepada sumber data yang disimpan, manakala pihak yang menyimpan data perlu menyediakan data yang sama kepada pelbagai pihak dalam format yang berlainan bergantung kepada permintaan pihak pengauditan. Perkara ini amat menyukarkan pihak yang perlu menyediakan data tersebut.


Kaedah perlaksanaan Bigdata@PSA dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu peringkat pertama dimulakan dengan penubuhan Taskforce Bigdata. Peranan taskforce ini adalah bagi menentukan data-data yang diperlukan untuk dimuat turun ke dalam sistem Bigdata@PSA. Keahlian taskforce ini terdiri daripada ketua - ketua setiap kriteria seperti yang terdapat dalam APACC. Pada peringkat pertama ini juga, proses memasukkan data akan dilaksanakan dan proses ini dinamakan sebagai INPUT DATA (2021).

“Big data is at the foundation of all the megatrends that are happening.”

– By Chris Lynch

**“Data is the new science.
Big Data holds the answers.”**

– By Pat Gelsinger




Lokasi Bigdata@PSA dan juga paparan skrin yang terdapat di pejabat Unit Jaminan Kualiti

Peringkat kedua pula dinamakan sebagai INTEGRATED (2022), di mana semua data ini akan digabung jalin supaya data-data ini akan menjadi lebih bermakna untuk kegunaan sesuatu proses. Dalam proses ini, pentadbir sistem akan menentukan setiap elemen data dari setiap kriteria dapat diproses dan digabung jalin. Sekiranya data berkenaan tidak dapat digabungkan dengan sistem Bigdata@PSA, maka pentadbir sistem perlulah mewujudkan sistem atau software baharu bagi kriteria berkenaan.

Manakala peringkat ketiga pula dikenali sebagai KNOWLEDGE (2023), di mana pada peringkat ini data bagi setiap kriteria telahpun berada di dalam sistem Bigdata@PSA dan dapat diintegrasikan dengan setiap kriteria. Oleh itu pada peringkat ini sistem Bigdata@PSA perlu diberikan ‘knowledge’ atau pemahaman bagi setiap data agar output data dapat digunakan dengan berkesan dan bermakna. Untuk itu, pada peringkat ini sistem Bigdata@PSA perlu dibina/direkabentuk satu sistem atau software agar dapat memahami data-data bagi setiap kriteria dan bagaimana untuk menyalurkan ‘output’nya.

Akhir sekali, peringkat keempat iaitu INTELIGENT (2024), di mana setelah sistem Bigdata@PSA disetkan ‘knowledge’ bagi menentukan output yang bersesuaian. Sistem Bigdata@PSA ini akan dinaik taraf supaya dapat menentukan apa yang perlu dilaksanakan atau tindakan yang perlu diambil dengan data yang telah dijanakan. Sekali lagi pada peringkat ini satu sistem atau software perlu dibina agar sistem Bigdata@PSA ini dapat berfungsi seperti yang diharapkan.

Rajah di bawah menunjukkan peringkat perlaksanaan sistem Bigdata@PSA beserta tahun sasaran.



‘Way forward’ atau arah tuju bagi sistem Bigdata@PSA

Bagi memastikan keberkesanannya sistem Bigdata@PSA dapat berfungsi dengan lancar dan sempurna, satu rangka kerja (*framework*) bagi sistem ini telah dibina. Framework ini merangkumi kesemua 7 kriteria yang terdapat di PSA seperti yang dapat dilihat pada rajah framework di bawah.

Institusi :

Memperkasakan lagi tahap kesahan data supaya ia sentiasa menjadi rujukan dalam membuat keputusan bagi masa depan organisasi yang lebih cemerlang dan terbilang.

Mahasiswa :

Memantapkan lagi tahap kesahan data pelajar PSA yang terkini. Data pelajar yang terkini adalah amat diperlukan dalam usaha untuk meningkatkan lagi prasarana rangkaian fizikal, peranti dan peralatan bagi kegunaan pelajar pada masa akan datang. Secara keseluruhannya sistem Bigdata@PSA ini akan membolehkan pengumpulan data dari pelbagai sumber dapat dilakukan secara digital dan berpusat. Selain itu kemudahan capaian dan kemudahkesanannya data raya dapat dilakukan dengan lebih pantas. Sehubungan itu, pemantauan prestasi proses kerja juga dapat dilaksanakan secara komprehensif dan 'real time'. Oleh itu, dengan adanya sistem Bigdata@PSA, setiap pelaporan dapat di laksanakan dalam bentuk analistik / grafik, bagi memudahkan perancangan dan penambahbaikan operasi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Akhirnya, kerja-kerja yang berkaitan dengan data raya ini akan menjadi lebih cekap dan efisyen, serta maklumat yang diterima adalah tepat dan pantas.

Penulis adalah Ketua Projek Bigdata@PSA. Beliau juga Ketua Jabatan Matematik dan Sains Komputer.

Frameworks BigDATA @ PSA



Framework Bigdata@PSA

Bagi memastikan keberkesanannya sistem Bigdata@PSA dapat berfungsi dengan lancar dan sempurna, satu rangka kerja (*framework*) bagi sistem ini telah dibina. Framework ini merangkumi kesemua 7 kriteria yang terdapat di PSA seperti yang dapat dilihat pada rajah framework di bawah.

IMPLIKASI

Implikasi projek Bigdata@PSA ini dapat dikategorikan kepada 4 kluster iaitu negara, masyarakat, institusi dan juga terhadap mahasiswa itu sendiri. Implikasi bagi setiap kluster adalah seperti berikut:

Negara :

Memanfaatkan peruntukan ICT dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi keperluan organisasi dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap pengajaran dan pembelajaran.

Masyarakat :

Memberi maklum balas dan data terkini mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh staf dan pelajar PSA kepada masyarakat sekeliling dan agensi luar.





PUSAT BERTAULIAH PSA PEMANGKIN TVET NEGARA

Oleh : Nazratulhuda binti Hashim

PSA telah menjadi pusat penyedia latihan kemahiran yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil. Pada 29 September 2020, Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Pusat Bertauliah yang telah berlangsung di Hotel Corus, Kuala Lumpur untuk mengiktiraf Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai penyedia Pusat Bertauliah.

Pusat Bertauliah PSA ini dibangunkan sejajar dengan Pelan Strategik JPPKK (2018-2025) bagi tujuan memenuhi keperluan permintaan lepasan menengah terhadap program TVET serta mengekalkan kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Program-program yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard - NOSS) yang telah dibangunkan. Bagi memenuhi persediaan keperluan tenaga pengajar, seramai 38 pensyarah telah mengikuti Kursus Induksi Personel Pentaulihan PP-PPD-PPB JPK.



Majlis penyampaian sijil Pusat Bertauliah kepada PSA daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran

Pensijilan di bawah Pusat Bertauliah Cawangan PSA terdiri daripada 2 program iaitu Program Berterusan dan Program One-off. Program Berterusan merupakan program dalaman PSA yang menawarkan Pusat Bertauliah penuh yang terdiri daripada program Green Compliance dan juga program Pelukis Pelan Mekanikal. Pensijilan di bawah kategori ini menawarkan Sijil Kemahiran Tahap 3 (SKM3). Manakala Program One-off pula merupakan Program Preparing the Expert Industry yang menawarkan Sijil Kemahiran Modular yang terdiri daripada 6 Program iaitu Penyeliaan Keselamatan Trafik Lebuhraya, Penyelia Awam dan Struktur, Penyelia Mekanikal dan Elektrikal, Pemantauan Pengurusan Fasiliti, Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik 3 Fasa, serta Pengurusan Pejabat. Rajah 1 di bawah menunjukkan ringkasan industri yang berkerjasama dalam membangunkan Program Preparing the Experts PSA.


Rakan Kolaborasi PREPARING THE EXPERTS

KOLABORASI STRATEGIK

Program Preparing the Experts dibangunkan bersama rakan kolaborasi strategik Thinkers, Megajati Sdn Bhd, German-Malaysia Institute bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Politeknik Malaysia.

Dalam usaha memastikan Pusat Bertaualiah Cawangan PSA dapat berjalan dengan lancar, pelbagai pihak telah memberikan kerjasama yang sangat baik. Kronologi pembentukan Pusat Bertaualiah PSA dapat dilihat secara ringkas dalam Rajah 2 di bawah.


Kronologi Aktiviti Pembangunan Kurikulum bagi Program Preparing The Expert Industri – PSA



Rajah 2: Ringkasan kronologi Pembangunan Kurikulum Program Preparing the Expert PSA



Penubuhan Pusat Bertaualiah PSA ini dijangka bakal memberi manfaat kepada PSA terutama dalam menjalin hubungan kolaborasi dengan pihak industri. Sejajar dengan itu diharap kebolehpasaran graduan PSA akan meningkat dan secara tidak langsung PSA menjadi organisasi contoh kepada Politeknik yang lain. Harapan dan perlaksanaan halatuju Pusat Bertaualiah PSA dapat dilihamkan dalam rajah 4 way forward di bawah.



Rajah 3: 'Way forward' bagi Pusat Bertaualiah PSA

Penubuhan Pusat Bertaualiah PSA ini mensasarkan penglibatan ramai pihak antaranya pihak Politeknik Malaysia, kolej vokasional serta institusi aliran TVET yang lain. Sehubungan itu, PSA telah mengambil tindakan proaktif dalam menyediakan tenaga mahir di bawah konsep "Preparing the Experts" selaras dengan Dasar Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang telah mensasarkan peningkatan belia berkemahiran tinggi supaya mampu mendapat peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dalam pasaran pekerjaan kelak.

Penulis adalah Penyelaras Pusat Bertaualiah PSA.

PSA PRIHATIN

WE CARE WE SHARE

Oleh : Zainab Hanina binti Abdul Samad

Pengurusan PSA sentiasa peka terhadap kesejahteraan staf dan siswa dalam situasi pandemik yang melanda seluruh dunia kini. Justeru, PSA telah mengambil inisiatif untuk membantu menerusi program PSA Prihatin. Bagi memastikan kesejahteraan siswa, PSA telah melancarkan inisiatif We Care We Share melalui usaha yang dilakukan oleh Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar bermula dari Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dan berterusan sehingga ke hari ini.

Melalui program ini, PSA menyalurkan sumbangan merupakan pek barang keperluan asas kepada siswa yang berada di kampus dan luar kampus. Usaha ini melibatkan penyertaan 65 orang pensyarah dan disokong oleh ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pengagihan bantuan ini dilaksanakan dengan cara penghantaran ke rumah siswa dan agihan di pintu masuk PSA yang telah dibuat sebanyak dua kali.

Program PSA Prihatin: We Care We Share ini bergerak di bawah Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 yang bermula dengan pengumpulan data siswa, penyelarasan zon siswa, perancangan jadual tindakan dan seterusnya fasa bantuan dan pengagihan. Anggaran bantuan ini bernilai hampir RM 80,000.00. Program ini telah beroperasi mengikut situasi semasa pandemik dan sejajar dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Pelbagai pihak tampil memberi sumbangan sama ada dalam bentuk wang tunai, pek barang keperluan dan sumbangan tenaga. Sumbangan terbesar bantuan keperluan asas telah diterima daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS),



Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Food Bank Malaysia serta syarikat pembekal makanan yang turut menyumbang secara percuma kad Domino Pizza sebanyak 200 keping. Selain itu, program PSA Prihatin We Care We Share ini juga mendapat sokongan sumber kewangan daripada staf PSA, koperasi PSA, Persatuan ALUMNI PSA, orang perseorangan serta komuniti setempat.

Dari semasa ke semasa pengurusan PSA sentiasa melakukan pemantauan terhadap masalah dan keperluan siswa lebih-lebih lagi yang tinggal di luar kampus dalam memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terpelihara. Langkah memberi sumbangan atau sedekah ini sejajar dengan ajaran agama kerana ia dapat memupuk rasa kasih sayang dan silaturahim antara staf dan siswa. Sabda Nabi Muhammas S.A.W yang bermaksud, 'Hendaknya kalian saling memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai'. Riwayat al-Bukhari (594).



FOODBANK YAPIEM 2.0 SUMBANG PEK MAKANAN (READY TO EAT -RTE)

Oleh : Zainab Hanina binti Abdul Samad

Pada 20 Oktober 2020, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) melalui program Foodbank YaPEIM 2.0 Ready To Eat telah menyalurkan sumbangan berupa pek makanan kepada siswa PSA bernilai RM1,500.00. Sumbangan ini telah memberi manfaat kepada 250 orang siswa PSA. Majlis penyerahan kepada PSA telah dibuat di pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar. PSA telah diwakili oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Ustaz Nasharuddin bin Zainal Abidin manakala YaPEIM diwakili En. Muhammad Fazli bin Suhailin, Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri Selangor. Majlis penyerahan ini turut disaksikan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail. Pada 27 Oktober 2020, YaPEIM sekali lagi telah memberi sumbangan Foodbank RTE kepada PSA. Bantuan berjumlah RM3,000.00 ini telah memberi manfaat kepada 500 orang siswa PSA.



‘Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka yang memberikan pinjaman kepada jalan Allah, sebagai pinjaman yang baik dan ikhlas, akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya) dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.’

Surah Al-Hadiid : 18



PSA TERIMA SUMBANGAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

Oleh : Zainab Hanina binti Abdul Samad

Pada 27 November 2020, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memberi sumbangan pek makanan asas kepada siswa luar kampus PSA dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Majlis Penyerahan Bantuan Khas COVID-19 ini telah disampaikan oleh Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf, En. Abdul Basith bin Hamid kepada Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail. Nilai sumbangan ini dianggarkan bernilai RM 50,000.00. Bantuan yang disampikan berupa pek barang keperluan asas seperti beras, telur, makanan dalam tin, gula, minyak masak, kicap dan lain-lain.

Seterusnya pada 2 Disember 2020, Jawatankuasa Pengurusan Covid-19 telah bertindak menguruskan agihan sumbangan tersebut. Proses agihan kepada siswa dibuat dengan membahagikan mereka kepada 3 zon bagi menuduhkan agihan sumbangan. Seramai 30 orang pegawai telah terlibat dengan dibantu oleh Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar untuk proses agihan kepada siswa PSA.



NORMA BAHRU

TINJAUAN CORAK PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM TALIAN

Oleh : Noorhaneyza binti Mat Noor

Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PdPdT) bagi sesi Pengajian semester Jun 2020 adalah menggunakan 2 platform rasmi iaitu CIDOS dan MsTeams (live teaching). Pendekatan PdPdT yang digunakan adalah kombinasi Synchronous (SYN) dan Asynchronous (ASYN). Aplikasi Microsoft Teams yang digunakan untuk pelaksanaan SYN ialah melalui live teaching. Pada 28 Ogos 2020, pihak pengurusan PSA yang terdiri daripada Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail; Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Norhayati binti Ibrahim dan Ketua Pusat Teknologi Multimedia, Dr. Hj. Mohd. Najib bin Hamdan serta Pegawai e-Learning, Pn. Noorhaneyza binti Mat Noor telah menjalankan Lawatan Pemantauan di semua Jabatan Akademik bagi memantau kelancaran proses PdPdT yang dijalankan bagi sesi Pengajian Semester Jun 2020.

Semasa lawatan pemantauan dijalankan, didapati pensyarah sedang sibuk menjalankan aktiviti PdPdT. Berdasarkan pemerhatian, didapati semua pensyarah telah bersedia dengan segala kelengkapan untuk menjalankan PdPdT. Para pensyarah juga telah melengkapkan diri dengan pelbagai peralatan bagi menyokong pengajaran asas yang bersesuaian seperti persediaan headphone, webcam dan komputer riba. Sebahagian pensyarah turut melengkapkan persediaan pengajaran dengan pen digital untuk tujuan pengajaran dalam bentuk kiraan. PSA melalui Pusat Akademik dan Teknologi Terkehadapan (Future Instructional Technology and Academic Centre - FITAC) telah menjalankan pelbagai persediaan bagi melengkapkan pensyarah dengan kemahiran asas mengendalikan kuliah dalam talian. Pensyarah juga turut menghadiri Bengkel Pembelajaran Digital Utama yang memberi latihan penggunaan Ms Teams, Cidos dan persediaan menghasilkan slide interaktif khas untuk siswa. Selain itu, pensyarah juga turut diberi pendedahan berkaitan penyediaan website pembelajaran digital dan penggunaan Aplikasi e-Pocket.

Walaupun PSA telah melakukan pelbagai persediaan PdPdT, namun terdapat beberapa kekangan di pihak pensyarah dan siswa untuk mengikuti PdPdT ini. Bagi pensyarah, mereka sukar untuk mengawal siswa supaya fokus di dalam kuliah. Selain itu, terdapat sebahagiannya berhadapan dengan masalah kemahiran menggunakan pen digital yang agak kurang selesa berbanding pen manual. Bagi siswa pula, terdapat sebilangannya gagal untuk hadir kuliah berikutan gangguan terhadap capaian internet. Data internet siswa yang terhad telah menyukarkan mereka



untuk hadir kuliah sepenuhnya seperti yang ditetapkan dalam jadual waktu. Situasi ini menyebabkan mereka tertinggal maklumat penting yang disampaikan semasa kuliah.

Melihat dari sudut yang positif, norma baharu PdPdT ini secara tidak langsung telah mencetuskan satu semangat dan usaha baharu bagi pensyarah dalam memastikan siswa dapat menerima ilmu tanpa halangan. Pengurusan PSA sentiasa memastikan semua pensyarah kompeten dalam menyampaikan ilmu kepada siswa melalui latihan dan kursus yang dianjurkan dari semasa ke semasa. Sudah sampai masanya pensyarah mewajibkan diri meningkatkan keupayaan mereka dalam PdPdT seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. Siswa juga perlu memberikan komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pembelajaran masing-masing dengan berusaha menyediakan keperluan data dan sebagainya. Bagi menangani perkara ini, YTL tampil memberikan data percuma kepada pelajar. Program ini adalah usahasama antara PSA dan YTL Corporation di mana YTL memberikan data percuma sebanyak 20 Gb kepada semua pelajar. Program ini memberi manfaat kepada pelajar termasuk pensyarah juga. Diharapkan pada masa akan datang lebih banyak pihak korporat yang menyumbang kepada program seperti ini bagi memastikan tidak wujud jurang digital agar tiada siswa yang tercicir dari mengikuti kuliah dalam talian.

PENILAIAN ALTERNATIF (PAlt) : TAKLIMAT DAN MOTIVASI OLEH PROF. DR. MOHD. RIDHUAN TEE ABDULLAH

Oleh : Husniyati binti Adnan



Pada 10 Disember 2020, Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah, pensyarah di UNISZA yang juga penceramah bebas yang tidak asing lagi di negara kita telah dijemput untuk memberikan motivasi dan kata-kata semangat kepada siswa-siswi PSA sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan Penilaian Alternatif. Sesi motivasi selama 1 jam ini telah berlangsung secara dalam talian menerusi aplikasi Webex. Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail turut menyampaikan ucaptama kepada siswa-siswi sebelum mereka julung kalinya menduduki Penilaian Alternatif Sesi Jun 2020.

Sejurus selesai sesi motivasi, Taklimat Pelaksanaan Penilaian Alternatif Sesi Jun 2020 pula disampaikan kepada mereka oleh Pn. Husniyati binti Adnan, Ketua Unit Peperiksaan PSA. Taklimat ini berlangsung melalui 4 sesi mengikut jabatan masing-masing iaitu Jabatan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik pada 10 Disember 2020. Manakala pada 14 Disember 2020 pula, taklimat yang sama telah berlangsung untuk Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Taklimat Penilaian Alternatif ini bersifat teknikal di mana mereka didedahkan dengan perjalanan peperiksaan dan tatacara untuk memuatnaik kertas jawapan. Selain itu, turut ditekankan perkara yang perlu mereka lakukan sebelum, semasa dan selepas penilaian alternatif berlangsung. Taklimat yang dijalankan ini telah mendapat sambutan positif daripada mahasiswa berdasarkan maklum balas yang dikemukakan mereka semasa sesi soal jawab.

PDPDT SEWAKTU PANDEMIK : KESEMPATAN ATAU PELUANG

Oleh : Hazariah binti Karsahid

Pagi Isnin 16 Nov 2020, penonton TV1 berpeluang menyaksikan siaran langsung Selamat Pagi Malaysia bersama Pensyarah Kanan Puan Khazariah Karsahid, yang juga Penasihat Kelab Orator PSA bagi membincangkan topik PdPdT Sewaktu Pandemik: Kesempatan atau Peluang. Program ini telah bersiaran selama 15 minit dan membincangkan persoalan sejauh mana penerimaan ibu bapa, pensyarah dan pelajar terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PdPdT).

Puan Hazariah berpendangan, pelaksanaan PdPdT ini memerlukan pensyarah dan siswa saling bekerjasama antara satu sama lain. Pensyarah telah melakukan pelbagai persediaan sebelum sesi pembelajaran bermula walau tidak hadir ke kampus. Siswa pula perlu mengambil kesempatan dengan sentiasa hadir pada setiap kelas bagi melayakkan mereka menghadiri peperiksaan. Peluang ini perlu direbut oleh siswa.

PdPdT tidak boleh dilakukan sambil lewa. Sebagai siswa mereka perlu mencari peluang. Jika kurang faham sewaktu belajar, mereka perlu bertanya kepada pensyarah. Sewaktu belajar pula, siswa boleh cuba untuk merekod kemudian memahami semula dan menghantar kepada pensyarah video tersebut. Sekiranya terdapat keraguan atau kurang faham, para pensyarah akan memperbetulkan semula dan itu adalah bonus kepada pelajar untuk lebih memahami dan memperoleh markah yang lebih kerana telah menggunakan pakai cara di luar kotak pemikiran. Peluang yang diguna ini akan memberi kelebihan kepada siswa.



Seterusnya antara kelebihan yang akan diperoleh oleh siswa melalui komunikasi dua hala ini ialah meningkatkan komunikasi yang berkesan, mempunyai koleksi untuk ulangkaji, membina rapport dengan pensyarah dan pensyarah lebih menghargai usaha siswa. Kesimpulannya, siswa perlu memanfaatkan PdPdT sehingga mendatangkan kebaikan kepada diri mereka. Mereka perlu memanfaatkan teknologi untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran mereka sehingga mereka dapat bergraduat pada masa yang ditetapkan.

WEBINAR LANGSUNG : PERISIAN PENGURUSAN RUJUKAN

Oleh : Dr. Hjh. Wan Rosemehah binti Wan Omar



Pada 20 November 2020, pensyarah Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Dr. Hjh. Wan Rosemehah binti Wan Omar telah mengadakan webinar bertajuk Perisian Pengurusan Rujukan (Endnote & Mendeley). Webinar yang berlangsung selama 2 jam itu telah dihadiri oleh 75 orang peserta yang terdiri daripada siswa dan pensyarah PSA. Para peserta didedahkan dengan perisian pengurusan rujukan (reference management software) yang merupakan perisian untuk merekod dan pemetikan bibliografik (rujukan) iaitu Endnote dan Mendeley. Apabila sesuatu petikan direkod, ia boleh diguna pakai pada bila-bila masa dalam menghasilkan bibliografi seperti senarai rujukan dalam buku, artikel dan esei ilmiah. Perisian ini kebiasannya mengandungi pangkalan data yang mana rujukan bibliografik penuh boleh dimasukkan, serta sebuah sistem untuk menghasilkan senarai artikel yang dipilih dalam pelbagai format berbeza mengikut keperluan penerbit dan jurnal ilmiah. Ia membolehkan senarai rujukan disediakan dalam format tertentu secara automatik bagi mengurangkan risiko sumber-sumber yang dipetik tidak dimasukkan ke dalam senarai rujukan. Kemahiran menggunakan perisian ini sangat membantu siswa terutamanya dalam menyiapkan projek tahun akhir.

Ability is what you're capable of doing.
Motivation determines what you do.
Attitude determines how well you do it
- By Lou Holtz

UCAPTAMA DI PERSADA GLOBAL

Oleh : Dr. Bibie Sara binti Salleh

Pada 28 Oktober 2020, Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail telah diundang bagi menyampaikan ucaptama dalam The 1st International Conference on Research in Social Science and Humanities (The 1St ICORSH 2020) yang diadakan secara dalam talian dan berpusat di Banten, Indonesia. Jemputan untuk memberi ucaptama ini menunjukkan pengiktirafan institusi luar negara terhadap kemampuan PSA untuk berkongsi tentang "Preparing the Expert into Society 5.0 : Experience and Challenges". Melalui ucaptama yang berjudul Society 5.0 itu, Dr. Hj. Mohd Zahari berkongsi pengalaman dan cabaran PSA dalam persiapan mendedaki cabaran Revolusi Industri 4.0 menuju Society 5.0. Beliau turut menerangkan tentang peranan PSA sebagai institusi TVET dalam merangka strategi pemerksaan TVET berlandaskan polisi kerajaan dan kerangka kerja TVET 4.0 yang dikeluarkan oleh JPPKK.



Pembentangan ucaptama dalam Persidangan Antarabanga oleh Dr. Hj. Mohd Zahari.

Dalam memperkuuhkan kebolehpasaran graduan, PSA membangunkan model i-LEAPS iaitu innovation, leadership, entrepreneur, academic excellence, practical competence dan social responsibility. Melalui pelaksanaan model ini, banyak pencapaian yang telah dicapai oleh PSA antaranya pencapaian CMET sebagai one stop calibration centre yang terkenal di seluruh dunia, pembangunan penyelidikan di bawah geran penyelidikan PPRN dan T-ARGS, penyertaan program-program pelajar di peringkat antarabangsa, pencapaian pelajar dalam bidang keusahawanan, pencapaian pelajar di bawah academic excellence yang terhasilnya pembelajaran secara pendigitalan, latihan kompetensi pelajar di dalam dan luar negara, dual certification dan tanggungjawab sosial pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan.

Pengarah turut merumuskan bahawa dengan mewujudkan hubungan antara manusia melalui perkongsian maklumat akan memberi nilai tambah kepada masyarakat. Model i-LEAPS yang digunakan di PSA merupakan komponen utama kepada persediaan industri dalam menghadapi Society 5.0.

SOLAT JUMAAT PERTAMA SELEPAS PKP 1.0

Oleh : Asmira bin Ashari

3 Julai 2020 merupakan kali pertama Pusat Islam dibuka untuk solat Jumaat sejak Perintak Kawalan Pergerakan 1.0 dikuatkuasakan. Kebenaran ini adalah berdasarkan kepada perkembangan semasa COVID-19 dalam gelombang kedua yang bermula pada 27 Februari 2020 di mana pada 1 Julai 2020 Malaysia mencatatkan kes harian terendah sepanjang gelombang kedua pandemik. Justeru, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memberi kebenaran kepada masjid dan surau di negeri Selangor termasuk PSA untuk aktiviti solat Jumaat. Walau bagaimanapun, di peringkat PSA, COVID-19 Crisis Management (CCM) memutuskan kebenaran ini terhad kepada staf PSA dengan kapasiti tidak melebihi 20 orang secara penggiliran berdasarkan jemputan daripada Pusat Islam sahaja.

Seterusnya pada 14 Ogos 2020, Pusat Islam telah membuka jemputan untuk komuniti setempat menunaikan solat Jumaat. Rasa kesyukuran di atas kebenaran ini diterjemahkan dengan kehadiran ramai jemaah ke Pusat Islam PSA beserta pematuhan SOP yang ketat. Setiap sudut ruang solat dipenuhi oleh jemaah dengan penjarakan yang telah ditetapkan. Jemaah yang hadir telah membawa sejadah dan berwuduk dari rumah. Setibanya di Pusat Islam, mereka perlu melalui saringan suhu dan merekod kehadiran di dalam aplikasi MySejahtera.



PENDAFTARAN SISWA PANDU LALU

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Penularan pandemik COVID-19 telah mengubah norma dalam pekerjaan termasuk proses kemasukan siswa ke PSA. Pada 5 dan 6 Ogos 2020, PSA telah melaksanakan Pendaftaran Siswa Sesi Jun 2020 melalui kaedah pendaftaran secara pandu lalu bagi mencegah penularan wabak tersebut sepanjang proses pendaftaran. Proses pendaftaran pada hari pertama telah merekodkan kemasukan sejumlah 300 orang siswa baharu ke PSA. Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail turun padang bagi memantau proses

pendaftaran dan berbesar hati untuk turut serta dalam proses tersebut. Proses yang bermula seawal 7.30 pagi itu tamat sekitar 1.00 tengahari. Proses kemasukan pelajar telah disempurnakan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PSA. Mereka turut memakai PPE dan mematuhi segala SOP yang ditetapkan oleh MKN. Sesi pendaftaran telah berjalan dengan lancar dan berjaya mengekang penularan wabak berdasarkan tiada rekod penularan dicatatkan semasa tempoh tersebut. Pendaftaran pandu lalu ini juga telah memberi kemudahan kepada pihak ibubapa dan siswa kerana hanya perlu melalui 3 checkpoint sahaja iaitu:

Checkpoint 1:

Pemeriksaan suhu siswa dan keluarga di pintu utama sebelum dibenarkan masuk ke kawasan PSA.

Checkpoint 2:

Proses urusan dokumentasi, pengesahan dan pendaftaran siswa dijalankan hanya melalui tingkap kereta bagi membataskan interaksi penumpang kenderaan dengan pihak PSA.

Checkpoint 3:

Proses pendaftaran siswa ke asrama dilakukan tanpa melibatkan pergerakan ibu bapa/penjaga. Siswa dibantu oleh sukarelawan Majlis Perwakilan Pelajar PSA yang mengurus pemindahan barang-barang mereka ke asrama. Semua barang yang dibawah turut disanitasi terlebih dahulu sebelum dibawa masuk ke bilik masing-masing.



PERHIMPUNAN STAF SECARA MASA

Oleh : Dr. Norasiah binti Muhammad

Pada 24 November 2020, telah berlangsungnya Perhimpunan Bulanan yang dijalankan secara hibrid. Perhimpunan Bulanan Bil 4/2020 ini dikelolakan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), bertempat di Dewan Al Jazari dengan kehadiran Ahli Mesyuarat Tertinggi (AMT) dan Ahli Jawatankuasa Perhimpunan Staf yang terlibat dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Majlis ini telah dipengerusikan oleh pensyarah JKM iaitu Encik Ismail

bin Lias dan Encik Roslan bin Kamaruddin.

Perhimpunan ini dianjurkan bagi membolehkan pihak pengurusan menyampaikan amanat dan maklumat semasa di samping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan PSA walaupun negara masih dalam tempoh PKPB. Seperti biasa, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu Politeknik Malaysia, diikuti dengan tayangan taklimat keselamatan. Bagi memberkati majlis, Ts. Dr. Mohd Elias telah dijemput untuk membacakan doa. Manakala Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam Malaysia pula dipimpin oleh Encik Zulkarnain bin Hamid. Selesai bacaan ikrar, majlis diselitkan dengan tayangan multimedia yang merangkumi aktiviti dan pencapaian PSA dari bulan September sehingga November 2020. Semoga apa yang telah di paparkan dapat memberi semangat kepada semua staf untuk melaksanakan tugas dalam suasana norma baharu.



Pengerusi majlis juga memaklumkan pada 27 Oktober 2020 telah berlangsung International Conference on Research in Science and Technology (ICOR-SH 2020) di Banten, Indonesia. PSA amat berbangga kerana Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail telah diundang untuk menyampaikan ucaptama dalam seminar tersebut. Agenda diteruskan dengan ucapan dan amanat oleh Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail yang mengalualukan kehadiran semua staf secara dalam talian. Beliau mengingatkan staf untuk terus patuh dengan arahan KKM dan sentiasa mematuhi SOP semasa dalam tempoh PKPB. Putuskan rangkaian COVID-19 di tempat kerja dengan mengamalkan norma baharu, elakkan 3S iaitu tempat sesak, tempat sempit dan tertutup serta bersempangan dekat-dekat.

Seterusnya, Tuan Pengarah PSA menyampaikan amanat berkaitan Society 5.0, di mana tujuan utama Society 5.0 adalah to enhance people's quality of life with the use of potentialities acquired by Industry 4.0. Beliau mengumumkan pembangunan empat pusat teknologi baharu yang akan diberi perhatian pada tahun 2021 iaitu Future Instructional Technology and Academic Centre (FITAC), Technology of Robotic and IOT Centre (TRIC), Ruang Pembelajaran Moden dan Lengkap (MarkerSpace), dan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran (Techno Huffaz).

Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Dr. Hjh. Norhayati binti Ibrahim kemudianya dijemput bagi membentangkan kalendar akademik Sesi Jun 2020 (Pindaan Oktober 2020). TPA memaklumkan Penyelaras Kursus perlu menyediakan soalan Penilaian Alternatif manakala Subject Matter Expert pula akan dilantik oleh Timbalan Pengarah Akademik/Pengarah atas cadangan Ketua Program/Ketua Jabatan.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan Tuan Pengarah berkaitan aktiviti-aktiviti yang ditangguhkan sepanjang tahun 2020, antaranya adalah Pertandingan e-Sport, Lawatan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Konvensyen Techno Huffaz, Soft Launching National Conference, 10 Ribu Langkah, Sehari Bersama Industri, Time Capsule, Anugerah Akademia, Woodball Tournament, Pengiktirafan COT dan Perasmian Pusat Bertauliah. Pengarah turut memaklumkan Program Learn From Home dengan Kerjasama YTL Foundation menawarkan 60 hari internet percuma kepada pelajar dan staf akademik PSA.

Pengarah turut membentangkan pencapaian PSA sepanjang bulan September hingga November 2020. Antara pencapaian yang telah dicapai ialah:

1. Asia International Innovation 18 – 20 September 2020 anjuran UTM Skudai
 - i. Raih Perak dalam inovasi Exam2U Application for Final Examination Appeal
 - ii. Hadiah khas tempat kedua kategori FB Vote & Share Contest
2. En. Ahmad Khairi Aswad bin Ishak Jurulatih Terbaik Polytechnic Sport Excellent Award (PolySEA) 2019
3. Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2020 (PERISA'20)
 - i. Naib Johan Kategori Teknologi Kejuruteraan dan Pingat Emas melalui inovasi Multipurpose Hydraulic Door Installation Tool
 - ii. Pingat Emas - Hydraulic Foot Jack & Lifter Stand
4. Penyampaian Sijil Pusat Bertauliah dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

5. Pensijilan ISO45001 : 2018 (Occupational Health & Safety)
6. Pn. Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik dan Pn. Hazariah binti Karsahid telah ke udara dalam rancangan Lensa IPT di RTM
7. Mohd Aiman Hafiz bin Azman Johan Pertandingan Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2020
8. Pn. Zurina binti Safee Raih Anugerah Pembentang Terbaik di 10th National Conference in Education-Technical & Vocational Education and Training (CIE-TVET 2020)
9. Celcom Siswapreneur Boothcamp
10. Pingat Perak dalam Borneo Innovation Festival 2020
11. Gerak Usahawan Kampus 2020
 - i. Johan : Pertandingan Website Business Challenge-Kategori Kesihatan & Kecantikan
 - ii. Johan Pertandingan Online Bazaar Challenge (OBAC)
 - iii. Pn. Roslina binti Ahmad dinobat Naib Johan Mentor Terbaik Online Bazaar Challenge
12. Pn. Zazurah binti Mat Zuini menang Fundamental Awards bagi Pengumpulan Minyak Terpakai PSA dalam Malaysian Polytechnic Sustainability Award 2020

Sebelum mengakhiri ucapan, Pengarah mengucapkan tahniah kepada semua penulis yang telah berjaya menerbitkan buku di dalam Penerbitan PSA 2020.



AJK Perhimpunan Staf, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Pengerusi meneruskan majlis dengan ucapan sekalung tahniah kepada Dr. Hasmawi bin Khalid, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam di atas penerimaan Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), Kementerian Pengajian Tinggi bagi Tahun 2019. Ucapan selamat datang diucapkan kepada warga baru PSA iaitu Puan Salina binti Mistam, Setiausaha Pejabat Pengarah PSA dan En. Muhammad Faizal bin Mat Noor, Penolong Jurutera. Turut dimaklumkan perpindahan keluar staf dari PSA iaitu Dr. Zunuwanas bin Mohamad dan Pn. Auzaimah binti Omar. Majlis seterusnya memaparkan nama staf PSA yang menyambut hari lahir dalam bulan September, Oktober dan November.

Sebelum mengakhiri majlis, dipaparkan video tribute khas untuk PRO PSA iaitu En. Shariff bin Ab. Kadir yang akan berpindah ke Agensi Pengangkutan Awam Darat, Kementerian Pengangkutan. Semoga beliau terus cemerlang di tempat baharu. Sebagai penganjur Majlis Perhimpunan Bulanan Bilangan 4/2020, JKM mehon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekhilafan sepanjang penganjuran majlis. Majlis berakhir sekitar pukul 12.00 tengahari. Secara keseluruhnya, kehadiran staf adalah sebanyak 86.5% iaitu 360 orang dari 416 orang staf. Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Pehimpunan Staf pada kali ini.



Majlis meraikan PRO PSA iaitu En. Shariff bin Ab. Kadir yang berpindah ke Agensi Pengangkutan Awam Darat, Kementerian Pengangkutan.

AKADEMIK

DIALOG PRESTASI PEMANGKIN KECEMERLANGAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

Oleh : Che Najah binti Che Noh



Pada 19 November 2020, PSA telah mengadakan Dialog Prestasi Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Elektrik secara atas talian melalui medium Ms Teams. Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail telah memperkenalkan majlis dialog ini yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Akademik PSA, Dr. Hjh. Norhayati binti Ibrahim, Ketua Pusat Pembangunan Akademik, Pn. Zarina binti Zaini, Ketua Program, Ketua Unit dan pensyarah Program Ijazah Sarjana Muda yang terlibat.

Dialog ini diadakan bagi membentangkan pencapaian siswa Ijazah Sarjana Muda PSA. Selain itu, turut dibincangkan ialah kaedah pelaksanaan pengajaran dalam talian dan Work Based Learning (WBL) bagi program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti (BFM) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) (BEU).

Majlis dialog ini turut membincangkan permasalahan yang berkaitan dengan kedua-dua program ijazah ini dan membincangkan penyelesaian terhadap isi-isu berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan program tersebut. Melalui komunikasi dua hala di antara pihak pengurusan tertinggi dan pensyarah program, diharap dapat meningkatkan kecemerlangan kedua-dua program ijazah di PSA di dalam memperkasa TVET negara.

“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya”.

Riwayat Muslim (4867)

PSA MEMBOLOT 20 PINGAT DALAM PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2020

Oleh : Dr. Siti Khalijah binti Jamal

Perkembangan sains dan teknologi secara tidak langsung telah merancakkan dunia penyelidikan dan inovasi. Penciptaan produk yang berinovasi bukan sahaja berupaya untuk memudahkan kerja, menjimatkan masa dan kos tetapi juga dapat meningkatkan kualiti kerja. Lonjakan ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, iaitu Ekosistem Inovasi telah menekankan usaha untuk memperteguhkan penyelidikan dan inovasi.

Sehubungan itu bagi menyokong pelan tersebut, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah menganjurkan Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan bermula tahun 2015 khusus untuk pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti dan terbuka kepada semua pensyarah TVET. Justeru penyertaan pertandingan ini turut menjemput semua Pensyarah institusi TVET yang merangkumi pensyarah di Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Malaysian Technical University Network (MTUN) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) untuk menyertainya.

Sebagai langkah memberi sokongan kepada halaju ekosistem inovasi ini, penglibatan PSA sebagai pelaksana dapat memupuk daya saing dalam kalangan pensyarah TVET. Penyertaan pertandingan ini juga telah menjadi platform kepada pensyarah PSA mengetengahkan hasil inovasi dan penyelidikan. Selain itu, penglibatan aktif ini dapat meningkatkan kerjasama pensyarah merentas jabatan melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dijalankan secara bersama.



TEMERLOH - 19 Jun - 30 September 2020, PSA bersama Kolej Komuniti Temerloh dan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah telah menganjurkan PERISA 2020. Penyertaan Perisa 2020 pada kali ini mempunyai 4 kategori penyertaan iaitu Teknologi Maklumat, Teknologi Kejuruteraan, Sains Sosial, Pengajaran & Pembelajaran. Sebanyak 370 pasukan telah menyertai PERISA 2020 yang bayaran yuran pada kadar RM200 dikenakan bagi setiap tajuk penyertaan.

PSA telah menghantar 20 kumpulan penyertaan yang berjaya melepas saringan pertama seterusnya ke peringkat pertandingan akhir. Selain dari penglibatan aktif sebagai peserta pertandingan, PSA turut berganding bahu menjadi Jawatankuasa Pelaksana program sebagai jawatankuasa Majlis Penutup dan Panel Pemilihan Saringan Pertama. Penyertaan program ini, secara tidak langsung memberi peluang pengajar dan pensyarah turut melibatkan diri dan menyumbang ke arah mencapai KPI institusi dalam penglibatan di peringkat kebangsaan di samping mengetengahkan Inovasi untuk dipasarkan.

Walaupun sekadar berpuashati menyandang naib juara Kategori Teknologi Kejuruteraan PSA berjaya membawa pulang 20 pingat di dalam keputusan keseluruhan PERISA 2020 iaitu 4 pingat emas, 7 pingat perak dan 9 pingat gangsa. Pencapaian terbaik pasukan PSA diperoleh melalui projek "Multipurpose Hydraulic Door Installation Tool" yang telah merangkul anugerah emas dan anugerah naib johan keseluruhan Kategori Kejuruteraan. Kumpulan tersebut telah diketuai oleh Dr. Asnizah binti Sahekhaini dari JKM bersama 4 ahli kumpulan yang lain. Selain itu, PSA turut memenangi pingat Emas bagi inovasi Hydraulic Foot Jack & Lifter Stand yang diketuai oleh Zetty Rohaiza binti Mohd Sahak@ Ishak juga dari JKM.

Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail turut hadir pada majlis penutup dan memberikan sokongan kepada peserta dari PSA. Majlis penutup PERISA 2020 telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPPKK Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub. Berikut merupakan keputusan penuh keseluruhan pasukan PSA di PERISA 2020. Tahniah diucapkan kepada semua!



Tuan Pengarah PSA membuat semakan suhu.

Berikut adalah senarai penuh peserta yang memenangi Pertandingan Inovasi Pensyarah Institusi TVET Peringkat Kebangsaan PERISA 2020 ;



1	IOT-BASED MULTI-OPERABLE MEDICAL CHECKER FOR OUTPATIENT	TK050 GANGSA	SABARIAH BINTI BOHANUDIN IDRIS BIN KAMARUDDIN
2	MULTIPURPOSE HYDRAULIC DOOR INSTALLATION TOOL	TK048 EMAS TEMPAT KE-2 KESELURUHAN KATEGORI KEJURUTERAAN	ASNIZAH BINTI SAHEKHAINI BIBIE SARA BINTI SALLEH NORHAYATI BINTI IBRAHIM SALHANA BINTI SAHIDIN@ SALEHUDIN AMINUDIN BIN ABU
3	PIR AND ESMOLOCK SYSTEM	TK047 GANGSA	ANNAFAEDZATUL BINTI MOHAMED AMIN NURUL AKMAR BINTI KAMARUDDIN ROHANIZA BINTI MOHD ZALI
4	POLE CONE 2020- SMART PARKING	TK045 PERAK	ZARINA BINTI MAT SAPRI SARAH AFZAN BINTI ABD KARIM ZURENA BT LEMEN
5	REKABENTUK LINTEL IBS MENGGUNAKAN SERAT SELULOSA DALAM PROJEK PEMBINAAN	TK046 GANGSA	HAZRUWANI BINTI A HALIM MOHD ZAIDI BIN ABDUL HAMID ZAKARIA BIN AYOB@IBERAHIM
6	MODEL PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN PENSYARAH BAGI PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PNP)	SS059 EMAS	RABIATUL ADAWIYAH BINTI ROSLI DIANA MALINI BINTI JARNI MASLINDA BINTI SUKRI
7	360 VIDEO APPLICATION FOR BIOMEDICAL INSTRUMENTATION COURSE: BIOMEDICAL INSTRUMENT INVICTA VISION	PP190 PERAK	MARIANA BINTI ROSDI FARIZA BINTI ZAHARI MUHAMMAD SYAMIL BIN ROZMI AKMARYA SYUKHAIRILNISAH BT MOHD AKHIR DR MOHD NAJIB BIN HAMDAN
8	AN EDUCATIONAL BLUETOOTH TRAINING KIT FOR TEACHING AND LEARNING	PP188 GANGSA	NAAGAJOOHTI A/P ADIN NARAINA MAZLINA BINTI MAHROJI ZABIDAH BINTI HARON
9	BASIC LOGIC TRAINER	PP187 PERAK	DR. MARLINA BT RAMLI NOR ROFIZAH BT ANDUL MUTALIB JULAIHA BT OMAR ILYA BT ISMAIL FAZIDA BT ADLAN
10	DEVELOPMENT AND UTILIZATION OF INNOVATIVE TEACHING AID – “RING COUNTER AND JOHNSON COUNTER” WITH FLIPPED CLASSROOM APPROACHED	PP197 EMAS	NUR SURIYA BINTI MOHAMAD HJH ROZIAH BINTI ABDUL LATIFF NUR AYUNI BINTI AHMAD SITI SABARIAH SALIHIN
11	DEVELOPMENT OF WALKING AID FOR REHABILITATION PATIENTS (WAR)	PP189 PERAK	TS. DR. HJ. ZUNUWANAS BIN MOHAMAD DR. HJH WAN ROSEMEHAH BINTI WAN OMAR
12	HYDRAULIC FOOT JACK & LIFTER STAND	PP191 EMAS	ZETTY ROHAIZA BINTI MOHD SAHAK @ ISHAK MADYA MASTIKA BINTI AHMAD AHMAD FAKARUDDIN BIN MOHD FAUZI NORLIDAWATI BINTI MOHAMAD
13	INTELLIGENT ARDUINO NANO TECHNOLOGY (I_ANT)	PP185 GANGSA	FA'IZAH BINTI YA'ACOB NORAZLINA BINTI JAAFAR SURAINI BINTI DAUD NORANIZAH BINTI SARBTI
14	KAJIAN RAWATAN AIR MENGGUNAKAN KAEDAH MUDBALL	PP186 GANGSA	NOR ZARINI BINTI ISMAIL ARDUNIWATI BINTI AHMAD MARIANI AYU BINTI OMAR



15	MENGHASILKAN MINI FOAM GENERATOR UNTUK KONKRIT RINGAN DALAM IBS SEBAGAI ALAT BANTUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	PP182 GANGSA	HAZRUVANI BINTI A HALIM MOHD ZAIDI BIN ABDUL HAMID ZAKARIA BIN AYOB@IBERAHIM
16	OPEN LOOP AND CLOSE LOOP SYSTEM TRAINER	PP184 PERAK	MASLIZAH BINTI MUNAHNDAR FA'IZAH BINTI YA'ACOB SITI HAJAR BINTI ABDUL HAMID ROKIAH BINTI HASSAN
17	PENGHASILAN JUBIN LESTARI DARIPADA KULIT KERANG	PP183 GANGSA	NORHAYATI BINTI PALIL ROHAIDAH BINTI MD NOR
18	RC DYN0 TRAINER	PP181 GANGSA	NURHIDAYA BINTI MUSA ILYA BINTI ISMAIL MOHD NASIR BIN KAMARUDDIN KHAIRUL NIZAM BIN MOHD ZAHID NAUFAL HADI BIN KHAIRUL NIZAM
19	SMART HAND AUGER	PP180 PERAK	DALIELA BINTI ISHAMUDDIN SALIZAWATI BINTI KAMARUZZAMAN ZURINA BINTI SAFEE
20	PSA 360 VIRTUAL TOUR	SS058 PERAK	MUHAMMAD SYAMIL BIN ROZMI DR. MOHD NAJIB BIN HAMDAN AMIDAH BINTI MOHD UJANG

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI BERASASKAN KAYU (DBK)

Oleh : Siti Zaliha binti Omar @ Othman

Pada 23 & 24 September 2020, Program Diploma Teknologi Berasaskan Kayu (DBK), Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) telah menerima lawatan penilaian akreditasi penuh dari pihak Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), Majlis Teknologis Malaysia (MBOT). Lawatan penilaian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi MBOT bagi program DBK dalam usaha untuk memastikan setiap program pengajian yang ditawarkan di PSA mempunyai kualiti setanding program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi yang lain.

Lawatan penilaian ini melibatkan dua orang panel penilai TTAC, MBOT yang diketuai oleh Ir. Ts. Dr. Mohamad Ali Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM dan Ts. Shukri bin Mohamed Salleh dari UniKL, Kampus Cawangan Malaysia Italy Design Institute bersama dua orang wakil sekeretariat MBOT iaitu Cik Nur Farhana binti Muhd. Muhaidin dan Cik Siti Farhiah binti Abdul Manan. Proses penilaian selama dua hari ini telah berjalan dengan lancar dengan usaha dan kerjasama yang kuat dari seluruh warga PSA khususnya dari pihak pengurusan tertinggi dan pasukan program DBK, JKA.



Hasil dari lawatan penilaian ini, PSA telah berjaya memperolehi Akreditasi Penuh selama 4 tahun iaitu perakuan bagi graduat bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023. Seterusnya DBK telah mendapat pengiktirafan rasmi bahawa kelayakan akademik yang dianugerahkan adalah selaras dengan standard dan kualiti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Teknologis Malaysia. Tahniah DBK! Tahniah PSA!



KEPIMPINAN BAHARU PROGRAM IJAZAH TEKNOLOGI PENGURUSAN FASILITI

Oleh : Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Pada 3 Disember 2020 Pn. Shahida binti Sharuddin telah dilantik sebagai KP BFM yang baharu. Mantan KP BFM, Dr. Siti Rashidah Hanum binti Abd Wahab telah memberi sumbangan selama lebih 2 tahun sebagai KP BFM. Pertukaran KP ini kerana Dr. Siti Rashidah Hanum memilih untuk meneruskan perkhidmatannya di UiTM Shah Alam. Terima kasih dan Selamat Maju Jaya Dr. Rashidah Hanum. Pemilik nama Shahida ini berumur 35 tahun, mempunyai ketinggian yang sederhana, dan berkulit cerah.



Sebagai pensyarah, beliau juga aktif dalam penulisan dan penerbitan seperti seminar dan buku. Artikel beliau pernah diterbitkan dalam prosiding Seminar International Multidisciplinary Postgraduate Conference 2020 dan International Conference on Islamic Education 2020 serta penerbitan buku yang bertajuk Mencari Identiti Taman Malaysia.

Sesungguhnya PSA merasa bertuah dengan kehadiran beliau. Beliau dan pasukan BFM diharap untuk terus melonjakkan lagi kecemerlangan program BFM khususnya dan kebolehpasaran graduan PSA amnya.

PSA RAIH PERAK DALAM ASIA INTERNATIONAL INNOVATION EXHIBITION (AIINEX 2020)

Oleh : Sarizun binti Mohamad Sidek

JOHOR BAHRU - PSA telah memperoleh 1 pingat perak pada anugerah Pameran Inovasi Antarabangsa Asia (AIINEx) 2020 yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berlangsung pada 18 hingga 20 September 2020 yang lalu. Pertandingan berprestij ini diwakili oleh pensyarah dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer iaitu Pn. Sarizun binti Mohamad Sidek, Pn. Siti Nurul Huda binti Ramli dan Pn Nur Liyana binti Khalid Khan.

Beliau sekarang tinggal di Nilai, telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak. Ketika ini beliau berulang alik dari Nilai ke Shah Alam setiap hari. Latarbelakang pendidikan tinggi beliau bermula dengan menggenggam Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dari UKM yang diperolehi pada tahun 2008. Setelah bergraduat beliau telah memulakan kerjaya sebagai Assistant Architect di sebuah firma arkitek di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2009, beliau mendapat tawaran sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Kolej Komuniti Jempol, N.Sembilan. Sepanjang di Kolej Komuniti Jempol, beliau pernah memegang portfolio sebagai Pegawai Multimedia dan mengajar di dalam bidang Sijil Teknologi Senibina (STS). Sambil bekerja beliau sempat menyambung pengajian Ijazah Sarjana Pengurusan Fasiliti di UiTM dan bergraduat pada tahun 2017.

Setelah tamat pengajian di peringkat sarjana beliau ditempatkan di Kolej Komuniti Tapah, Perak dan memegang portfolio Ketua Program Program Sijil Teknologi Senibina (2017 hingga 2019) dan terlibat sebagai Jawatankuasa Penggubal Kurikulum STS. Kecemerlangan beliau diakui dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KPT pada tahun 2014 seterusnya Anugerah Kecemerlangan Kolej Komuniti Tapah pada tahun 2018 dan 2019.

Pingat perak yang dimenangi adalah bagi kategori pertandingan 'Infographic Poster Challenge' dengan tajuk inovasi 'Exam2U Application for Final Appeal'. Poster ini juga telah memenangi tempat kedua bagi kategori 'FB Vote and Post Contest'. Tahniah JMSK! Pertandingan yang diadakan secara dalam talian ini terdiri daripada 3 kategori pertandingan iaitu 'Online Project Presentation, Infographic Poster Challenge dan Innovation Idea Video Challenge'. Ia disertai oleh pelbagai institusi pendidikan dan pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Pengumuman anugerah dan para pemenang telah dibuat secara langsung melalui media sosial Fb Live pada 5 Oktober 2020.



TAMPIL BERGAYA JOHAN PERTANDINGAN PIDATO ALAM SEKITAR PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Oleh : Norhayati binti Majid

KUCHING - Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK dengan kerjasama Malaysia Polytechnic Communication Enhancement (MPCEC) dan Politeknik Kuching Sarawak telah menganjurkan Pertandingan Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2020 secara dalam talian. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik seluruh Malaysia. Pertandingan ini bermula pada 5 Oktober 2020 di mana peserta dikehendaki menghantar video kepada pihak juri. Pada 19 Oktober 2020 penganjur telah mengumumkan keputusan seterusnya Sdr. Muhammad Aiman Hafiz bin Azman (08DPM18F1011) telah dipilih sebagai juara. Untuk makluman, beliau adalah pelajar dari Jabatan Perdagangan dalam semester 5. Dalam pertandingan yang sama naib johan dan tempat ketiga disandang oleh Sdr. Musalehudin bin Mokhtar dan Sdra. Meliza binti Muslimat dari Politeknik Kota Kinabalu. Syabas dan tahniah kepada semua pemenang!



PSA RAIH PERAK DALAM BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2020 (BIF 2020)

Oleh : Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

KUCHING - Pada 21-22 Oktober 2020 PSA telah menyertai Pertandingan Borneo Innovation Festival (BIF 2020) Peringkat Kebangsaan secara atas talian yang dianjurkan oleh Politeknik Kuching Sarawak. Penyertaan di dalam BIF 2020 ini merupakan suatu platform pertandingan penyelidikan dan inovasi yang mana sebanyak 6 pengelasan bidang projek inovasi telah dipertandingkan. Kriteria penjurian pertandingan adalah melalui persembahan video dan penilaian poster.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang terdiri daripada pensyarah kanan iaitu Dr. Ainul Haezah binti Noruzman, Encik Muhibis bin A. Hakim, Puan Zarina binti Zaini dan Puan Ilya binti Ismail telah mewakili PSA dalam kategori Bidang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Peserta telah mempertaruhkan projek inovasi yang berjudul Innovation Kit Book. Inovasi ini berkisar tentang kaedah dan cara pengiraan bahan bancuhan konkrit dan bata sebagai panduan siswa di samping dapat mendedahkan kepada siswa tentang penggunaan standard yang betul apabila melibatkan ujian konkrit dan bata di makmal. Hasil daripada penyertaan pertandingan ini, PSA telah berjaya memperolehi sijil pingat perak beserta sijil penyertaan. Tahniah PSA!

PSA MENANG KATEGORI FUNDAMENTAL AWARDS DALAM ANUGERAH MALAYSIAN POLYTECHNIC SUSTAINABILITY AWARD 2020

Oleh : Zazurah binti Md. Zuini



MERSING - Pada 3 November 2020 telah berlangsung penyampaian anugerah 'Malaysian Polytechnic Sustainability Awards 2020' (MPSusta Award 2020) di Politeknik Mersing, Johor. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Ts. Hj. Mohamad Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) secara dalam talian.

MPSust Award 2020 dianjurkan secara bersama oleh Unit Teknologi Pertanian Bahagian Kurikulum JPPKK dan Politeknik Mersing, Johor bermula dari 20 hingga 23 Oktober 2020. Penjurian telah disaring serta dinilai oleh juri profesional yang diketuai oleh Dr. Norsaidatul Akmar binti Mazelan selaku CEO Think Plus Consulting Sdn. Bhd. Antara kategori yang telah dipertandingkan adalah Anugerah 'Special project of The Year', 'Sustainability Leadership Award' dan 'Fundamental Awards'.

PSA telah menyertai pertandingan ini secara maya dan telah dibentangkan oleh Pn. Zazurah binti Mat Zuini pada 22 Oktober 2020 yang lalu. PSA telah mendapat tempat ketiga dalam kategori 'Fundamental Awards'. Anugerah yang diterima ialah bagi Projek Pengumpulan Minyak Masak Terpakai.

Projek Pengumpulan Minyak Masak Terpakai telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 dan telah dipertingkatkan dari tahun 2017 sehingga tahun 2020 dengan pembabitan staf dan siswa PSA serta komuniti setempat. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi menjayakan misi dalam pengumpulan minyak masak terpakai ini. Unit Polygreen PSA telah melaksanakan promosi secara besar-besaran di saluran media sosial rasmi PSA iaitu facebook, instagram, dan email jabatan untuk membuat hebatan pengumpulan minyak masak terpakai.

Beberapa inisiatif telah diambil untuk menggalakkan pengguna mengumpul minyak masak terpakai seperti melalui serahan secara sukarela, pembelian minyak masak dari pengguna, dan pendidikan pengguna melalui iklan berkaitan kesan negatif terhadap kesihatan dan alam sekitar akibat penggunaan minyak masak terpakai.



Liked by abid_azfar and 68 others

jabatankejawam Tahniah Pn Zazurah !! Merangkumi tempat ke 3 untuk kategori projek mampan(Sustainable Development Goals)anjuran Politeknik Mersing Johor.

Pengisian pendidikan pengguna ini menjurus kepada impak terhadap kesihatan dan alam sekitar yang terkandung dalam Sustainable Development Goals (SDG) di bawah Pembangunan Projek Mapan. Projek mapan merupakan inisiatif semua pihak terutamanya di PSA dalam memurnikan alam sekitar. Projek ini juga dapat meningkatkan pengetahuan pengguna terhadap impak kepada kesihatan mereka terutamanya kepada paru-paru manusia. Seterusnya minyak masak terpakai yang dikumpul dari projek ini akan dikitar semula menjadi bahan api biodiesel.

Menurut Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, beliau menyokong program tersebut yang bertujuan memberi kesedaran terhadap isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan matlamat jangka panjang dalam mengolah minyak masak untuk dijadikan bahan api yang boleh digunasemula. Pengguna perlu diingatkan dari masa ke semasa tentang bahaya penggunaan minyak masak terpakai yang boleh menjasaskan kesihatan mereka dalam jangka masa panjang.

Penulis adalah AJK Polygreen PSA.



ANUGERAH KERTAS PENYELIDIKAN TERBAIK



ARAU - Pada 13 hingga 14 Oktober 2020 telah berlangsung The 10th. National Conference in Education - Technical and Vocational Education and Training (CiE-TVET 2020). CiE-TVET 2020 yang dianjurkan oleh JPPKK ini merupakan suatu platform kepada pensyarah untuk membentangkan hasil penyelidikan dalam bidang TVET. CiE-TVET 2020 diadakan secara dalam talian setelah pihak pengajar mengambil kira situasi semasa Covid-19 di negara ini.

Persidangan ini dirasmikan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DYTM Tuanku Raja Muda Perlis). Baginda menitahkan himpunan kertas penyelidikan yang dibentangkan akan diterbitkan dalam e-proceeding CiE-TVET 2020 dan e-jurnal JPPKK sebagai sumber rujukan oleh pengguna. Semasa Ucapan di Majlis Perasmian Penutup, baginda menitahkan ucapan syabas kepada 4 Kertas Penyelidikan Terbaik. Kertas penyelidikan yang dibentangkan oleh pensyarah JKA PSA, Pn. Zurina binti Safee dan Pn. Daliela binti Ishamuddin yang bertajuk 'Study on Concrete with Partial Replacement of Sand by Floral Foam' telah dianugerahkan sebagai kertas penyelidikan terbaik bagi Kategori Luar Teknikal.

Selain beliau, pemenang bagi Kategori Teknikal ialah Pn. Noor Hanisah binti Abdullah melalui 'Pembangunan Smart Motorcycle Anti Theft System (SMATS)' bagi Kategori Teknikal. Kategori Sains Sosial dimenangi oleh Dr. Rashdan Rashid bagi kertas penyelidikan 'The Relationship of Career Development, Salary and Benefit, and Employer Reputation Towards Job Selection Among Northern Polytechnic Accounting Students'. Seterusnya En. Mohammad Hazrul Md Jori dengan kertas penyelidikan berjudul 'Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Pendekatan OBE dalam Program Diploma Teknologi Automotif di Kolej Vokasional : Penilaian menggunakan Dimensi Proses Model CIPP' telah menang bagi Kategori Luar Sosial Sains. Tahniah kepada semua pemenang!

Acara tahunan ini telah berjaya mengangkat kajian dan penyelidikan dalam bidang TVET di peringkat kebangsaan. Malahan, kertas-kertas penyelidikan yang dibentangkan adalah menepati keperluan dalam penambahbaikan institusi pendidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta keusahawanan dan kemajuan penyelidikan secara keseluruhannya. Syabas sekali lagi kepada semua.

CELCOM-GOOGLE SISWAPRENEUR 2020

Oleh : Zaharatul Akmar binti Ahmad Zainuddin

The screenshot shows the 'WALL OF FAME' section of the Celcom-Google Siswapreneur 2020 website. It lists four winners under the heading 'BARISAN PEMENANG ANUGERAH KHAS CELCOM-GOOGLE SISWAPRENEUR 2020'. The winners are:

- MEOR MUHAMAD FAZRUL ADLY** - *Meor Muadzul Teknologi Pengurusan Produktif Best Student Award*
- DARREN JOEL SEVERINUS** - *Darren Joel Severinus Google Docs Quiz Winner*
- AIMAN DANIEL BRUMAIZI** - *Aiman Daniel Brumai Google Pengurusan Keberkesan Google Sites Quiz Winner*
- NUR SYAKIRAH BINTI KHAIRIL ANWAR** - *Nur Syakirah Binti Khairil Anwar Google Slide Quiz Winner*

The page also features the logo of Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) and the date October 22, 2020.

Pada 19 hingga 21 Oktober 2020, PSA telah menyertai pertandingan Celcom-Google Siswapreneur 2020 yang telah berlangsung secara dalam talian. Program anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi, Celcom Axiata Berhad dan Google Malaysia ini disertai hampir 10,000 orang pelajar dan pensyarah dari seluruh Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Program ini merupakan latihan pemasaran secara dalam talian percuma yang memperkasakan tenaga pengajar dan pelajar dalam bidang digital. Program ini bertujuan untuk memelihara ekosistem digital Malaysia, mempromosikan digital dan membekalkan pelajar dengan kemahiran pemasaran digital. Sekalung ucapan tahniah buat 4 orang siswa berikut kerana telah berjaya mengharumkan nama PSA sehingga ke Peringkat Kebangsaan.

1. Meor Muhamad Fazrul Adly Bin Meor Fuad – Best Student Award
2. Aiman Daniel Bin Rumaizi - Google Sites Quiz Winner
3. Darren Joel Severinus - Google Docs Quiz Winner
4. Nur Syakirah Binti Khairil Anwar - Google Slide Quiz Winner

Tahniah! Kepada semua pemenang.

The screenshot shows a Facebook video call interface. The video is titled 'Celcom Siswapreneur @ Google Bootcamp 2020'. The video frame displays a grid of participants, some of whom are identified by their names: Tasy TUBE, Tomy, and others. The video player shows the progress bar at 337/647. The video has 22 views and was posted on November 23, 2020. The post includes a caption: "Technology can become the "wings" that will allow the educational world to fly farther and faster... See More". There are options to like, comment, and share the video.

GERAK USAHAWAN KAMPUS 2020

Oleh : Zaharatul Akmar binti Ahmad Zainuddin



POLITEKNIK ZON UTARA - Pada 23 September hingga 19 Oktober 2020 PSA sekali lagi telah melakarkan kegemilangannya melalui pencapaian cemerlang di dalam program Gerak Usahawan Kampus 2020 anjuran Unit Pembangunan Keusahawanan Zon Utara Politeknik Balik Pulau.

Berjenterakan 10 orang usahawan pelajar dan mentor, PSA telah berjaya merangkul tiga anugerah dalam penyertaan kali ini. Apa yang lebih membanggakan, mentor keusahawanan PSA, Pn. Roslina bt Ahmad telah diangkat sebagai naib johan Mentor Terbaik di dalam pertandingan yang sama. Keputusan lanjut kejayaan adalah seperti berikut :

1. Online Bazaar Challenge (OBAC) - Johan bagi Kategori Produk Terbaik (Produk Fesyen dan Perhiasan). Pertandingan ini anjuran Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. PSA diwakili oleh Pn. Roslina bt Ahmad (Mentor), Sahrifah Shafiqah, Iryani Nureen Natasha binti Mahadzir dan Syahiratul Farhana binti Khizani.
2. Mentor Terbaik OBAC - Pn. Roslina bt Ahmad
3. Website Business Challenge - <https://marykaybeauty1.wixsite.com/mkbeauty> Johan bagi Pertandingan bagi Kategori Kesihatan dan Kecantikan. Pertandingan ini anjuran Politeknik Balik Pulau. PSA diwakili oleh Pn. Roslina bt Ahmad (Mentor), Priscilla Sipin@William dan Hidayah binti Mohd Nor. Dalam pertandingan sama tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Politeknik Nilai dan Kolej Komuniti Hulu Selangor.

Syabas kepada semua pemenang dan Tahniah kepada PEC!



'Kata nak berjaya tapi usahanya tidak,
kata nak berubah tapi
tak nampak apa-apa tindakannya
untuk berubah. Tindakan itu
penting untuk wujudkan
percikan kejayaan dalam hidup kita.'

Najib Asaddok
Pakar Merancang Strategi Pemasaran

NICHE AREA

MAWLID MEET TECHNO-HUFFAZ SEMPENA BULAN KELAHIRAN RASULULLAH

Oleh : Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria



Bulan Rabiul Awal bulan kelahiran Nabi Muhammad SAW. Pada setiap tahun, menjadi kelaziman masjid dan surau mengadakan sambutan memperingati junjungan mulia Rasulullah SAW. Namun, pada tahun ini suasannya sangat berbeza. Penganjuran majlis sosial dan keagamaan tidak dibenarkan. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasa oleh kerajaan membataskan pergerakan dan majlis yang melibatkan orang ramai berkumpul tidak boleh diadakan. Medium dalam talian menjadi medan untuk menunaikan hasrat tersebut.

Pada 29 Oktober 2020 PSA telah mengadakan sambutan Maulidurrasul menerusi aplikasi Google Meet yang disertai oleh semua siswa Techno-Huffaz serta beberapa orang pensyarah dari Jabatan Pengajian Am (JPA). Antara pengisian pada majlis tersebut adalah sesi ta’aruf siswa baru, ucapan penganjur, sunnah talk dan diakhiri dengan selawat.



Perkongsian Sunnah Talk oleh Sdr. Muhammad

Menurut pengelola majlis, Ustazah Ainoor Mahfuzah binti Ahmad majlis Mawlid Meet ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk menambah ilmu pengetahuan dan simbol kecintaan kita kepada Rasulullah SAW. Sesi perkongsian ilmu, sunnah talk telah disampaikan oleh siswa semester 1, Muhammad Aiman bin Abdullah manakala Zunnurain bin Zulkifli juga siswa semester 1 sebagai moderator. Melalui Sunnah talk, siswa mendapat banyak maklumat berkaitan peribadi

Rasulullah SAW serta peristiwa-peristiwa penting dalam lembaran sirah baginda.

Penting bagi seorang siswa yang bergelar penghafal al-Quran untuk mengetahui dan mendalami sirah Rasulullah SAW. Menurut Dr. Said Ramadhan al-Buty dalam buku beliau yang berjudul Fiqh Sirah telah menukilkan tentang kepentingan mempelajari sirah antaranya ialah mengetahui peribadi dan teladan Nabi Muhammad SAW sepanjang kehidupan baginda. Selain itu, sirah baginda bersifat universal dan menjadi rujukan kepada penentuan kepada kebanyakan hukum-hakam dalam Islam. Sirah Nabi Muhammad SAW juga membuktikan baginda adalah ikon umat sepanjang zaman, mengajar umat menjadi hamba terbaik kepada tuhan, insan terbaik dalam masyarakat, suami dan bapa terbaik kepada keluarga, pemimpin terbaik kepada rakyat.

Program sebegini perlu diteruskan walaupun tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka. Dunia digital menuntut manusia untuk bersosial di dalam talian. Justeru, orang Islam perlu memperbanyakkan majlis ilmu secara dalam talian dengan bantuan teknologi sebagai alternatif untuk menjernihkan jiwa umat daripada lambakan hiburan melalaikan yang memenuhi segenap ruang alam siber.



Zunnurain bin Zulkifli sebagai moderator

PSA LAHIRKAN GRADUAN SULUNG TECHNO HUFFAZ

Oleh : Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria

Tahun 2020 merupakan tahun kejayaan bagi Techno-Huffaz PSA apabila berjaya melahirkan Huffaz pertama. Sdr. Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan yang berjaya khatam hafazan 30 juzuk Al-Quran. Detik bersejarah itu dirakam pada hari yang penuh berkat iaitu hari Jumaat, 1 Ramadhan 1441H bersamaan 24 April 2020. Techno-Huffaz pertama ini adalah siswa dari Jabatan Perdagangan di bawah program Diploma Pengurusan Perniagaan. Beliau mula mendaftar sebagai siswa Tahfiz pada bulan Jun 2017 dan mengambil masa



selama 3 tahun untuk merealisasikan impian beliau untuk menjadi seorang penghafal al-Quran. Diiktiraf secara rasmi pada bulan Ogos yang lalu, setelah melalui sesi pengujian 30 juzuk al-Quran pada peperiksaan semester akhir dan berjaya lulus.

Bak kata anak muda sekarang, ini bukan kaleng-kaleng. Melihat pencapaian akademik beliau yang bersekolah di Sekolah Agama Menengah Bestari Subang Jaya (SAMBEST) dengan memperoleh keputusan Mumtaz di dalam Sijil Menengah Agama 2015 dan 9A di dalam peperiksaan SPM 2016. Selain itu beliau juga aktif dalam taekwando, kawad kaki dan mewakili sekolah ke pertandingan nasyid peringkat kebangsaan.

Sdr. Muhammad Naim ternyata seorang yang komited dan fokus kerana sentiasa dapat mengekalkan gred purata mata nilai 3.0 dan ke atas pada setiap semester. Selain mengikuti kuliah dan menghafaz Al-Quran beliau masih sempat meluangkan masa dengan menjadi sukarelawan Operasi Haji Tanah Air 2019 (OHTA 1440H). Beliau menjadi sukarelawan di Terminal Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Movenpick Hotel & Convention Centre (MHCC). Dalam Operasi Haji tersebut beliau membantu urusan bakal haji dari proses pendaftaran di MHCC sehingga jamaah berlepas di terminal KLIA dan bertugas mengikuti waktu mengikut jadual penerangan yang ditetapkan yang memakan masa 7 hingga 8 jam untuk satu operasi. Selain itu beliau juga turut mewakili PSA mengikuti lawatan sambil belajar ke Vietnam.

Walaupun perlu melalui proses pembelajaran mengikut norma baharu, Muhammad Firdaus tetap konsisten dan berusaha keras untuk menghabiskan hafazan. Proses menghafal dilakukan di rumah, dan sesi memperdengar hafazan (tasmik) pula dilaksanakan melalui dalam talian. Menurut beliau, pengurusan masa menjadi aspek penting bagi seseorang penghafal al-Quran tambahan pula perlu membahagikan masa antara menghafal Al-Quran dan pada masa yang sama mengikuti kuliah Diploma.

Satu majlis bacaan doa khatam diadakan sehari selepas beliau khatam hafazan menerusi aplikasi Zoom. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan norma baharu bermakna tiada malis bersemuka, maka majlis khatam juga dilaksanakan secara dalam talian. Namun begitu, majlis tetap berjalan dengan lancar dan mudah-mudahan ada keberkatannya.

Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail mengucapkan setinggi kesyukuran dan merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas pencapaian ini. Menurut beliau lagi, kejayaan PSA melahirkan Huffaz pertama ini adalah dengan pelaksanaan program Pensijilan Tahfiz Al Quran yang telah bermula pada tahun 2017 dengan kerjasama Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (DQ, JAKIM). Jelas beliau, pencapaian ini menjadikan PSA sebagai politeknik pertama yang berjaya melahirkan siswa berciri holistik menerusi Tahfiz-TVET.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Muhammad Firdaus Naim di atas kejayaan ini. Semoga terus istiqomah dan menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat di samping menjadi pemangkin semangat kepada siswa Techno-Huffaz yang lain dan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat untuk menyambung pengajian Diploma dan menyertai program Pensijilan Tahfiz Al-Quran di PSA. Tahniah Firdaus!



KHIDMAT KOMUNITI CMET DI KLINIK KESIHATAN UITM, SHAH ALAM

Oleh : Nor Sham binti Hasan

Selain dari memberi khidmat kalibrasi peralatan pengujian biomedikal, CMET@PSA juga berkepakaran memberi perkhidmatan penyenggaraan berkala peralatan perubatan. Justeru pada 15 – 18 September 2020 seramai 5 orang anggota tim CMET@PSA telah menjalankan aktiviti penyenggaraan di Klinik Kesihatan UiTM Shah Alam.

CMET@PSA telah menjalankan penyenggaraan terhadap 50 peralatan di klinik tersebut. Aktiviti ini telah membuktikan bahawa staf PSA mempunyai kepakaran bukan hanya mengajar kaedah penyenggaraan peralatan biomedikal malah turut mengaplikasi kemahiran yang dimiliki pada peralatan perubatan yang digunakan dalam industri penjagaan kesihatan sebenar.



LAWATAN PENANDAARASAN OLEH BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI DAN ERGONOMIK, JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Oleh : Nor Sham binti Hasan

Pada 1 Okt 2020 CMET@PSA telah menerima lawatan penandaarasan dari Bahagian Higien Industri & Ergonomik, JKPP. Seramai 11 orang pegawai dari pelbagai bahagian telah menyertai lawatan ini. Delegasi JKPP diketuai oleh En Ir. Ahmad Jailani Bin Mansor, Pengarah Bahagian Higien Industri & Ergonomik.

Tujuan lawatan penandarasan ini adalah untuk mendalami pengalaman CMET @PSA dalam usaha mendapatkan pensijilan ISO 17025:2017 dan strategi untuk mengekalkan pensijilan tersebut. Pihak DOSH juga ingin melihat sendiri fasiliti makmal kalibrasi CMET dan mengkaji kesesuaian untuk menghantar peralatan pengukuran mereka untuk ditentukur oleh CMET@PSA.



MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN CMET 2020

Oleh : Nor Sham binti Hasan



Pada 15 Disember 2020 CMET telah mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan. Mesyuarat ini merupakan agenda tahunan CMET untuk membentangkan pencapaian CMET bagi tahun semasa, membincangkan isu dan kaedah penyelesaian ke arah penampaikan berterusan sistem pengurusan dan operasi CMET.

Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail telah mempengerusikan mesyuarat ini yang turut dihadiri bersama oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Hjh. Norhayati binti Ibrahim. Melalui mesyuarat ini, pihak pengurusan tertinggi dapat memahami dengan lebih dekat usaha yang dibuat dan pencapaian CMET secara keseluruhannya.



LAWATAN PENANDAARASAN OLEH TEAM AIRBUS MRO, POLITEKNIK BANTING SELANGOR

Oleh : Nor Sham binti Hasan

Pada 2 Disember 2020 CMET@PSA telah menerima lawatan penandaarasan dari PBS bermula dari 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Seramai 6 orang pegawai dari pelbagai bahagian telah menyertai lawatan ini. Delegasi PBS diketuai oleh Dr. Norhayati binti Zakaria, Pengarah PBS yang turut disertai oleh Dr. Chan Siang Chak dari syarikat TESTIA, Airbus.

Tujuan lawatan penandarasan ini adalah untuk mendalami pengalaman CMET @PSA dalam usaha mendapatkan pensijilan ISO 17025:2017 (Testing and Calibration Laboratories) dan strategi untuk mengekalkan pensijilan tersebut. Pihak PBS berhasrat untuk memohon pensijilan yang sama dalam kategori pengujian.



CMET
Perfect from the beginning to the end.

PEMBANGUNAN INSTITUSI DAN STAF

ANUGERAH PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG KPT 2019

Oleh : Normasita binti Sulaiman



Nama Dr. Hasmawi Khalid tidak asing lagi di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Beliau lahir di Bentong, Pahang, 43 tahun yang lalu. Seorang yang quite tall, dark and handsome; tenang dan sentiasa mengukir senyuman. Semenjak dari sekolah menengah lagi di SMK Bentong, beliau memang banyak terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum khususnya Pengakap dan sukan bolasepak serta sepak takraw. Beliau mendapat pendidikan pada peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di UiTM dalam bidang Teknologi Perkayuan dan Teknologi Perabot. Seterusnya telah menyambung peringkat Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional di UTHM. Seterusnya beliau kembali semula ke UiTM bagi melengkapkan perjalanan akademik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam dan bergraduat pada 2018.

Dari sudut kepimpinan, Dr. Hasmawi telah ditugaskan sebagai Pegawai Kolaborasi PSA dari Ogos 2014 hingga November 2018. Graf kerjaya beliau terus meningkat apabila menerajui dua jabatan akademik iaitu sebagai Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer pada Disember 2018 hingga Mei 2019 dan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam pada Jun 2019 hingga Februari 2021. Penglibatan Dr. Hasmawi dengan Pengakap pula sangat aktif sehingga dilantik menjadi Assistant District Commissioner (ADC) of The Scouts Association of Malaysia. Selain itu beliau turut menjadi anggota beberapa buah Badan Profesional seperti Graduate Technologies in Malaysian Board of Technology (MBOT), Member of Malaysian Nature Society (MNS) dan Member of Malaysian Scientific Associations (MSA). Dari sudut intrapersonal beliau seorang yang kritis dan mementingkan kualiti manakala sudut interpersonal

pula beliau mempunyai pakej kemahiran komunikasi yang baik sehingga jelas daya kepimpinan beliau.

Berbekalkan pengalaman luas selama 17 tahun dalam bidang Pendidikan TVET yang memfokus kepada pembangunan rekabentuk kurikulum dan struktur program, kepimpinan akademik, ekosistem penyelidikan dan inovasi telah melayakkan beliau menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tahun 2019. Majlis penganugerahan ini telah diadakan pada 7 Januari 2021 yang lepas.

Tahniah, Syabas serta Selamat Maju Jaya diucapkan kepada YBrs. Dr. Hasmawi bin Khalid dan semoga dengan penganugerahan pingat ini dapat memberi motivasi kepada seluruh warga PSA khasnya serta seluruh warga Politeknik Malaysia amnya untuk bekerja dan berkhidmat dengan lebih bersemangat lagi.



PEMBANGUNAN KEPIMPINAN AKADEMIK PSA 2020

Oleh : Normasita binti Sulaiman

JANDA BAIK – Cabaran terhadap kepimpinan akademik di PSA menjadi lebih hebat pada masa kini dalam usaha PSA berhasrat menjadi Politeknik yang unggul. Cabaran ini bukan sahaja datang dari isu-isu dalaman malahan persekitaran semasa juga banyak mempengaruhi PSA. Justeru PSA berusaha mempersiapkan kepimpinan akademik yang baru dilantik supaya dapat memimpin organisasi dengan baik seterusnya memacu kecemerlangan PSA.

Bagi mencapai hasrat tersebut pada 25-27 Ogos 2020, seramai 38 orang staf pasukan kepimpinan akademik baru dilantik yang terdiri daripada Ketua Program, Ketua Pusat, Ketua Unit dan pegawai menjalankan tugas pengurusan bergred DH41 hingga DH48 telah berkampung di Kem Al-Sakinah Resort untuk Kursus Kepimpinan (Advanced Leading With Effective Communication).



Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini bertujuan untuk meningkatkan komitmen kepimpinan akademik supaya dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam meningkatkan prestasi pasukan. Program ini adalah intervensi yang dirancang untuk merapatkan jurang di antara sikap kepimpinan, kebolehan, pengetahuan dan kemahiran kepimpinan akademik. Penekanan khusus telah diberikan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal dengan ketua, rakan sebaya, pekerja bawahan dan rakan. Selain itu penekanan juga diberikan terhadap aspek kebolehan kepimpinan dalam membina pasukan produktif di tempat kerja. Sepanjang kursus, peserta telah melalui pelbagai modul latihan seperti berikut: Kepentingan Kepimpinan Pasukan Dalam Tindakan, Formula Prestasi, Kepentingan Berfikir Strategik untuk Ketua Pasukan Pengeluaran, Otak Membuat Keputusan, Pemikiran Kreatif dan Kritikal Dalam Kepimpinan, Berfikir Dalam Kotak vs Berfikir Di Luar Kotak, Prinsip Perhubungan Manusia yang Berkesan, dan Asas Membina Budaya Kecemerlangan Pasukan. Bagi memastikan peserta mendapat manfaat, pengajar telah menggunakan pelbagai pendekatan antaranya yang berbentuk latihan individu, perbincangan kumpulan dan persempahan. Peserta juga telah diberikan pendekatan latihan permainan pengurusan dan simulasi perniagaan serta aktiviti luar untuk memberikan peningkatan kerjasama antara pasukan yang lebih efisien.

Dalam memacu kejayaan PSA tidak mungkin kepimpinan akademik tidak berdepan dengan masalah lebih-lebih lagi dengan pelbagai faktor seperti perubahan teknologi, perubahan kepimpinan, ketidakpastian ekonomi dan terkini akibat Pandemik COVID-19. Justeru PSA berusaha membina kepimpinan yang berdaya tahan, proaktif dan peka terhadap keperluan perubahan dalam organisasi dan persekitaran. Pengurusan PSA berharap kepimpinan akademik yang baru dilantik ini dapat meningkatkan prestasi pasukan yang dipimpin seterusnya memacu kecemerlangan PSA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



BENGKEL PELAN STRATEGIK PSA 2021-2025

Oleh : Siti Zaliha binti Omar@ Othman

Pada 25hb September 2020 telah diadakan satu sesi brainstorming oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail bersama Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Norhayati binti Ibrahim serta Ahli Jawatankuasa Penulisan Pelan Strategik PSA 2021-2025 yang telah dilantik. Sesi percambahan idea bagi penulisan pelan strategik ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama yang melibatkan seramai 13 orang ahli jawatankuasa penulisan pelan strategik PSA 2021-2025 yang telah dilantik. Pelantikan ahli jawatankuasa adalah mewakili setiap kriteria kecemerlangan serta skop tugas yang dilaksanakan oleh ahli jawatankuasa di PSA yang dapat menyumbang idea dan kepakaran masing-masing.



Pada sesi ini, perbincangan setiap kumpulan kriteria telah menggariskan teras dan strategi yang akan menjadi fokus utama pembentukan Pelan Strategik PSA 2021-2025. Melalui sesi brainstorming ini, setiap wakil kriteria kecemerlangan berkongsi idea dan pandangan dalam menjana Pelan Strategik PSA 2021-2025 yang mendokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 serta ditunjangi oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPMPT 2015-2025.

Dalam rangka usaha ke arah melengkapkan penulisan pelan strategik ini, beberapa siri bengkel akan turut diadakan sehingga mencapai hasrat PSA untuk menerbitkan sebuah buku berjudul "Pelan Strategik PSA 2021-2025" yang akan menjadi rujukan utama dalam menerajui kegemilangan PSA bagi tahun-tahun kehadapan.

'Leadership is the capacity to translate vision into reality.'

- Warren Bennis

'Leadership is about taking responsibility, not making excuses.'

- Mitt Romney

PENEROKAAN BIDANG ROBOTIK DALAM MENYOKONG STRATEGI 4IR SATELLITE FLAGSHIPS (PSAS –AUTONOMOUS VEHICLE)

Oleh : Siti Zaliha binti Omar@ Othman

Pada 01 Oktober 2020, Pusat Pengurusan Strategik, PSA bersama wakil pengurusan PSA telah mengadakan lawatan strategik ke Pusat Robotik Politeknik Seberang Perai (PSP), Pulau Pinang bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran ke arah menjayakan strategi 4IR Flagship Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sesi lawatan ini diisi dengan taklimat khusus daripada wakil PSP mengenai perkembangan terkini teknologi robotik di PSP serta disajikan dengan persembahan menarik oleh siswa bersama robot yang direka mereka. PSA amat berbesar hati dengan sambutan yang diberikan oleh PSP dan yakin dapat memanfaatkan maklumat dari sesi perkongsian ilmu yang diperolehi bagi kecemerlangan bersama.



PERSEDIAN KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT) JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Oleh : Pn. Nazratulhuda Hashim

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 yang bermula pada 18 Mac 2020 lalu menyebabkan penutupan semua institusi pendidikan dan sekolah di seluruh negara. Justeru itu, konsep pembelajaran tanpa sempadan seperti e-pembelajaran berpotensi merevolusikan pendidikan selain mengurangkan kekangan fizikal iaitu pembelajaran secara konvensional. Walaubagaimanapun, pelaksanaan PdP secara norma baharu ini menjadikan situasi pengajaran dan pembelajaran lebih mencabar dan memerlukan sedikit ruang dan masa untuk diterima oleh pensyarah kerana perlu membuat persediaan diri serta membangunkan bahan pengajaran secara teknikal.

Bukan tempoh masa pertemuan yang perlu dititik beratkan di dalam PdPDT tetapi kandungan yang disampaikan mudah diterima dan mencapai objektif

pembelajaran tersebut. Ia diukur dari segi kognitif (intelek), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap) seseorang pelajar dalam pelbagai bentuk penilaian formatif atau sumatif. Dengan ini, adalah amat penting bagi pensyarah untuk mereka bentuk aktiviti pembelajaran dalam talian yang praktikal dan bermakna bagi pelajar mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus.

Unit E-Learning, JKM telah bertindak bagi merealisasikan keupayaan penggunaan e-pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO) pada tahap maksima sewaktu musim pandemik. Seramai tujuh orang fasilitator yang terdiri dari [pada pensyarah JKM telah dilantik bagi membantu memudahkan proses perkongsian ilmu berkenaan dengan teknologi pendidikan digital yang merangkumi proses penghasilan bahan PdP maya, penggunaan aplikasi pendidikan percuma serta penggunaan sepenuhnya portal pendidikan digital rasmi politeknik. Fasilitator yang telah dilantik juga telah menghadiri beberapa siri kursus yang dianjurkan oleh Pusat Unit E-Learning PSA bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelaksanaan PdPDT seterusnya dapat membantu meningkatkan kompetensi pensyarah yang lain melaksanakan tugas.

Pada 2 dan 3 Julai 2020 yang lalu, JKM telah berjaya menganjurkan Kursus Penyediaan Bahan PdP Interaktif yang dihadiri oleh semua pensyarah JKM bertempat di Pusat E-Learning PSA. Barisan fasilitator telah berkongsi ilmu berkenaan dengan penggunaan aplikasi PowerPoint, iSpring, Powtoon dan iShot bagi membantu pensyarah untuk menghasilkan bahan PdPDT yang lebih menarik dan bersifat interaktif. Sehubungan dengan itu, pensyarah dituntut untuk memikirkan cara penyampaian terbaik dan mudah untuk pelajar melihat, mendengar dan mengadaptasi ilmu secara sendiri.



Bagi mendedahkan pensyarah dengan penggunaan MsTeam dan CIDOS dalam menjalankan PdP secara norma baharu, Unit E-Learning JKM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kursus pemantapan penggunaan kedua-dua portal pembelajaran tersebut pada 27 dan 28 Julai 2020 yang lalu. Walaupun pensyarah berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menuntut kepada pengorbanan tenaga, masa dan juga wang, mereka kelihatan begitu komited untuk menimba ilmu baru yang berteraskan teknologi digital.



Sesi perkongsian tersebut telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada para pensyarah JKM. Pencapaian Blended CIDOS bagi JKM pada sesi Jun 2020 juga telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Diharap agar semua program yang telah dilaksanakan oleh Unit E-Learning PSA sepanjang sesi Jun 2020 yang penuh cabaran ini dapat memberi manfaat kepada semua pensyarah JKM dalam melaksanakan tugas mendidik siswa selari dengan Lonjakan Ke 9 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

ISO45001 : 2018 PERSEKITARAN PEKERJAAN PSA DIIKTIRAF SIHAT DAN SELAMAT

Oleh : Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan PSA

ISO 45001:2018 mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2018 merupakan piawaian antarabangsa bagi pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan bagi menggantikan piawaian keselamatan yang sebelum ini iaitu OHSAS 18001:2007. Piawaian ini bertujuan untuk menyelaraskan piawaian kebangsaan kesihatan dan keselamatan yang dipraktis oleh organisasi. Sijil piawaian ini menyediakan garis panduan dalam meningkatkan keselamatan, mengurangkan risiko dan menambah baik tahap kesihatan serta kesejahteraan di tempat kerja untuk semua organisasi.

Komitmen PSA untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat dan lestari telah diterjemahkan apabila Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menerima pensijilan Piawaian Antarabangsa ISO 45001 : 2018 pada 4 November 2020. Ini menjadikan PSA sebagai Politeknik kedua yang memenuhi kriteria standard Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan daripada Badan Pensijilan Llyod's Register.

Proses ke arah mendapatkan pensijilan ini telah bermula pada Mei 2019 dengan memberi pendedahan kefahaman kepada warga PSA berkaitan keperluan dan kepentingan pensijilan ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan seperti penganjuran kursus yang diperolehi daripada pihak yang berpengalaman berkaitan ISO45001:2018 seperti Kursus Awareness High Impact ISO 45001:2018, Kursus Internal Auditor dan juga Taklimat Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor.

Bagi memastikan amalan yang berterusan dalam pembudayaan keselamatan dan kesihatan, program Safety Week telah dijalankan pada 9-13 Mac 2020. Program ini telah berjaya dilangsungkan dengan penyertaan staf dalam semua aktiviti yang diadakan seperti pertandingan video pendek 'safety 2 minute' dan ceramah yang telah diadakan iaitu berkaitan bahaya penggunaan kosmetik tidak berdaftar serta keselamatan di alam cyber. Selain itu promosi berkaitan kesihatan dan keselamatan pekerjaan juga telah diadakan oleh pihak Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH). UKKP tidak bersendirian dalam penganjuran aktiviti di atas kerana mendapat sokongan dari Kelab Kebajikan PSA, Unit Teknologi Maklumat, Unit Perpustakaan dan Unit Lean Management.



Dalam memastikan pematuhan terhadap Akta perundangan juga dipenuhi, PSA sentiasa berhubung dengan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan pelaksanaan kaedah terkini. Pendaftaran PSA ke dalam sistem MyKKP yang diperkenalkan oleh JKKP banyak memberi kebaikan kepada pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Tambahan pula komitmen staf yang sentiasa berada di landasan terbaik, banyak membantu kearah pensijilan ini. Bermula pertengahan tahun 2020, PSA telah bersedia dalam proses audit melibatkan dokumentasi dan kemudahan fizikal yang digunakan oleh warganya dan juga mana-mana pihak luar yang berurusan dengan PSA berdasarkan polisi yang telah ditetapkan.





Dengan adanya pensijilan ISO 45001:2018 (Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan) ini, PSA juga berhasrat untuk mewujudkan tahap kesejahteraan warga yang lebih baik bermula dengan pengenalan Program Kesihatan yang holistik dan juga meningkatkan sistem tadbir urus yang lebih cekap berkaitan dengan skop pengurusan ini. Tahniah PSA.



BENGKEL PERSEDIAAN KE ARAH PENSIJILAN EOMS ISO 21001:2018

Oleh : Siti Zaliha binti Omar @ Othman



PSA telah mengorak langkah ke arah mendapatkan pensijilan Educational Organization Management Systems (EOMS) ISO 21001:2018 dalam memantapkan sistem pengurusan kualiti. Bagi memastikan proses pensijilan ini berjalan dengan baik, pelbagai inisiatif telah diatur. Proses ini dimulakan dengan dengan taklimat pengenalan kepada Pengurusan Tertinggi PSA diikuti dengan bengkel persediaan dalam membangunkan manual kualiti serta prosedur kerja mengikut standard kualiti EOMS.

Bengkel EOMS ISO 21001:2018 ini telah diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2020 dan mendapat kerjasama daripada pihak SIRIM QAS International. Penceramah dari SIRIM, Encik Mohammad Hamidi bin Yusop telah berada di PSA sepanjang tarikh tersebut dengan memberi taklimat dan mendengar pembentangan setiap kriteria kecemerlangan. Sejumlah 60 orang ahli daripada setiap kriteria kecemerlangan telah menyertai bengkel ini. Peserta telah mendapat pendedahan lanjut berkaitan semua keperluan EOMS ini.

Sebagai institusi peneraju TVET yang unggul, PSA komited dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan melalui sokongan ISO 21001:2018 disamping meningkatkan kepuasan pelajar, waris dan kakitangan lain melalui penggunaan sistem pengurusan kualiti EOMS.



KOLABORASI



KERJASAMA STRATEGIK YTL DAN PSA DALAM PENDIGITALAN PENDIDIKAN

Oleh : Dr. Hj. Mohd. Najib bin Hamdan

10 Disember 2020 – Syarikat penyedia rangkaian internet 4G, YTL Communications Sdn. Bhd. telah mengadakan kerjasama strategik dengan PSA melalui Program Learn to Home. Program ini telah memberi peluang kepada siswa dan pensyarah PSA memperoleh simcard percuma YES 40 GB berserta data internet percuma selama 2 bulan. Melalui kerjasama strategik ini mereka telah diberi peluang untuk terus menggunakan talian YES dengan pakej yang menarik setelah tamat 2 bulan penggunaan internet secara percuma iaitu bermula dengan RM 10.

Melalui program ini juga, YTL Communications telah menyediakan program webinar dalam talian yang amat sesuai untuk siswa dan pensyarah. Topik yang dibincangkan dalam webinar tersebut meliputi bidang PdPDT dan keusahawanan digital. Kemuncak kepada kerjasama ini, pihak YTL Communications akan memberi bantuan telefon bimbit percuma kepada siswa B40 yang layak. Semoga kerjasama ini akan mempertingkatkan lagi kualiti pembelajaran dalam talian kepada siswa PSA.



Agreed Minutes Meeting (AMM) Antara PSA Dan PCR Melalui Perkongsian Sumber Digital TVET

Oleh : Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Petikan ucapan Sempena Majlis Menandatangani AMM secara virtual di antara Perpustakaan Ibnu Khaldun Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Perpustakaan Politeknik Caltex Riau (PCR) pada 9 Disember 2020.

Majlis Menandatangani AMM di antara Perpustakaan Ibnu Khaldun Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Perpustakaan Politeknik Caltex Riau (PCR) buat julung-julung kalinya dianjurkan secara virtual. Ini adalah norma baharu dalam kita menghadapi pandemik Covid-19, namun ia tidak menghalang untuk kita terus meneruskan jalinan kerjasama di antara kedua-dua institusi.



Kolaborasi ini membuka peluang yang luas dan pendedahan kepada maklumat TVET serantau melalui pengaksesan dan pertukaran koleksi digital bagi kedua-dua pihak. Saya percaya program ini merupakan satu inisiatif yang akan memperkembangkan perkongsian sumber digital dan hasrat PSA agar Perpustakaan Ibnu Khaldun akan menjadi perpustakaan digital serta peneraju pendigitalan bahan rujukan TVET di Malaysia-Indonesia tercapai.

Jika merujuk kepada kandungan kolaborasi kita pada hari ini, ianya menekankan kepada kerjasama melalui pengaksesan dan pertukaran koleksi digital bagi kedua-dua pihak.

Hasil Kerjasama PSA-PCR

Menyorot kembali jalinan kolaborasi PSA dan PCR telah bermula dengan kerjasama strategik (COC) pada 26 Mac 2018. Kita telah berjaya melaksanakan beberapa program iaitu :

- a. Program mobiliti siswa dan pensyarah PSA ke PCR pada 16 hingga 20 Disember 2019,
- b. Program Kunjung Hormat Pengurusan Tertinggi PSA ke PCR,
- c. Jemputan ke Majlis Konvokesyen PCR,
- d. Diskusi sistem pengurusan ICT di antara PSA dan PCR,
- e. Serta Program CSR Siak di Riau.



Program dan aktiviti

Untuk makluman tuan-puan, program jaringan kerjasama bagi pembangunan pendidikan TVET adalah satu inisiatif yang berterusan untuk memartabatkan bidang pendidikan TVET di rantau ASEAN. Di antara program yang telah dilaksanakan termasuklah mobiliti siswa dan institusi, pemerkasaan program akademik, penyelidikan dan pertandingan-pertandingan di kalangan siswa. Justeru, kita mengharapkan dengan adanya AMM pada hari ini, kita dapat meningkatkan kerjasama di dalam membudayakan penyelidikan, inovasi, pengajuran persidangan di kalangan pensyarah dan siswa di Malaysia dan Indonesia melalui perkongsian bahan rujukan digital serta lain-lain bentuk kerjasama penyelidikan yang berimpak tinggi.



Go Global @ PSA merupakan tagline pengantarabangsaan di politeknik ini. Untuk makluman tuan-puan, PSA telah berjaya menjalankan beberapa program antarabangsa dalam masa 3 tahun ini melalui jalinan kolaborasi dengan beberapa institusi di rantau ASEAN antaranya Association of APACC Accreditee Meeting di Songkla Vocational College, kolaborasi bersama Guangzhou College di mana kita menerima delegasi daripada mereka di PSA dan kita juga mengadakan siri lawatan balas ke Guangzhou College untuk memperkasa bidang tujuan PSA di bidang elektronik perubatan.

Hasil kerjasama yang erat PSA dengan Universiti Pamulang di Jakarta, pada tahun 2019 kita telah berjaya menganjurkan satu persidangan di peringkat antarabangsa iaitu 4th. International Conference on Research in TVET Studies (ICORTVET 2019) di mana iaanya melibatkan pembentangan 180 buah kertas kerja penyelidikan melibatkan pensyarah dan siswa di kedua-dua buah negara.

Selain itu PSA juga telah menerima kunjungan hormat rakan kolaborasi daripada Kyungpook National University (KNU) KOREA. PSA juga merupakan antara delegasi Malaysia ke China melalui The 1st SINO-Malaysia TVET Forum di China dan satu program mobiliti siswa juga telah dilaksanakan yang melibatkan siswa-siswi daripada Guangzhou Polytechnic pada 2018.

Semoga kerjasama strategik seumpama ini juga dapat dilaksanakan di antara PSA dan PCR dalam usaha kita bersama-sama mencapai kecemerlangan institusi. Besarlah harapan PSA agar jalinan kolaborasi PSA dan PCR akan diperkasakan ke bidang tumpuan yang lain selain pendigitalan bahan rujukan TVET.

Kita juga berhasrat bahawa satu sesi perkongsian ilmu dan teknologi boleh dilanjutkan secara usahasama melalui pameran, simposium, persidangan, inovasi dan penyelidikan. Saya juga berharap segala kerjasama dan komitmen yang diberikan selama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Semoga Allah s.w.t memberkati semua usaha murni ini. Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wabaraktu. Sekian.



MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI BERSAMA LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE

Oleh : Natasya Mariz binti Mohamad

Pada 18 Ogos 2020 PSA telah menandatangani Sijil Kolaborasi (CoC) bersama dengan Lincoln University College (LUC) di Bilik Mesyuarat Utama, PSA. Sijil kolaborasi ini ditandatangani oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail dan Datuk Dr. Ir. Badaruddin Nordin selaku Chairman Board of Governance Lincoln University College. LUC adalah sebuah IPTS yang terletak di Kelana Jaya dan menawarkan pelbagai peringkat bidang pengajian dari peringkat prauniversiti sehingga peringkat PhD.



Melalui kolaborasi strategik ini, PSA dan Lincoln University College dapat berkongsi kepakaran dalam bidang penyelidikan dan penerbitan terutamanya dalam elektronik perubatan, robotik dan perubatan. Hasil daripada perbincangan kolaborasi berkenaan juga, PSA bersedia untuk menawarkan fasiliti bagi tujuan akademik dan penyelidikan, perkhidmatan kalibrasi pelbagai peralatan perubatan kepada Lincoln University College yang bersesuaian dengan CMET.

Kedua-dua institusi juga bersetuju bersama-sama menganjurkan seminar / bengkel di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Akhir sekali Lincoln University College bersetuju untuk membangunkan program pertukaran / mobiliti untuk pensyarah dan siswa PSA bagi semua jabatan serta membangunkan program berkembar peringkat ijazah sarjana muda. Semoga usaha ini berjaya direalisasikan oleh kedua-dua pihak.



MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI BERSAMA SASBADI HOLDINGS BERHAD

Oleh : Seeni Mehraj Begam binti V.K.S Vyzul Karnine

Pada 21 Julai 2020 satu kolaborasi strategik yang bersejarah telah termeterai antara PSA dan Sasbadi Holdings Berhad melalui satu majlis menandatangani Sijil Kolaborasi (COC). Majlis menandatangani sijil kolaborasi yang berlangsung di Sasbadi Holdings ini telah ditandatangani oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj Mohd Zahari bin Ismail dan Enc. Law King Hui, Pengarah Urusan Sasbadi Holdings Berhad.

Kolaborasi Strategik ni telah merealisasikan kata sepakat antara PSA dan Sasbadi Holdings Sdn Bhd untuk menjayakan matlamat yang dimeterai dalam Sijil Kolaborasi. Dalam sijil kolaborasi ini pihak PSA dan Sasbadi Holdings Berhad telah bersetuju untuk berkongsi kepakaran dalam bidang pendidikan, penerbitan dan teknologi robotik.

Berdasarkan persetujuan bersama, PSA juga akan membantu pengurusan pusat ujian Cambridge Linguaskill khusus kepada pensyarah dan siswa Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.



Pihak PSA juga akan menyediakan platform bagi pertukaran maklumat dan teknologi melalui perbincangan, latihan, seminar dan pelbagai program yang berkaitan.

Hasil daripada kolaborasi ini, pihak Sasbadi Holdings Berhad akan menyediakan pertukaran informasi dan kepakaran latihan, pembangunan kemahiran dan pembelajaran berterusan kepada siswa dan pensyarah PSA berdasarkan persetujuan bersama. Di samping itu, Sasbadi Holding Berhad juga bersetuju menyediakan tempat latihan industri kepada siswa PSA berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.

Pihak Sasbadi Holding juga turut menawarkan peluang latihan sangkutan industri kepada pensyarah PSA. Inisiatif ini dibuat oleh Sasbadi Holdings Berhad bertujuan memberi pendedahan teknologi semasa dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kepada pensyarah PSA. Terima kasih Sasbadi.



SUKAN DAN REKREASI

PSA ONTREND DENGAN FENOMENA E-SPORTS

Oleh : Mohd Hariz bin Samian

Pada 26 hingga 27 September 2020 PSA telah menganjurkan Bengkel Asas e-sports & Praktikal Perlawanan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail. Program pada kali ini memfokuskan kepada permainan konsul playstation dan juga permainan digital telefon mudah alih. Sejumlah 46 peserta telah menyertai program ini dan secara tidak langsung telah membuka lembaran baru kepada para siswa di dalam haluan kerjaya sebagai seorang pemain sukan elektronik profesional.

Perkembangan sukan elektronik atau e-sports di Malaysia telah bermula apabila acara tersebut dipertandingkan di dalam SUKMA 2018 di Perak. Walaupun sukan ini masih belum diterima di peringkat olimpik, menurut Kementerian Belia dan Sukan (KBS), jumlah peminat esports bertambah daripada 9.5 juta pada 2016 kepada 19.8 juta pada 2019. Angka itu mewakili kira-kira 60.7 peratus penduduk Malaysia pada 2019 (Berita Harian online). Angka ini dijangka meningkat sekarang lebih-lebih lagi dalam situasi negara masih dalam PKP yang membataskan aktiviti fizikal bersemuka.

PSA tidak ketinggalan dalam menyertai fenomena e-sports di Malaysia. Justeru program Pembangunan e-sports PSA merupakan satu platform baru yang diwujudkan oleh Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum (JSKK) bagi mencungkil bakat dan seni permainan esports di kalangan atlet politeknik Malaysia.



Tuan Pengarah PSA mencuba permainan pro evolution soccer 2021.

Siswa digalakkan untuk menyertai kejohanan yang berprestij di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa seiring dengan perkembangan sukan esports di Malaysia khususnya dan dunia amnya. Kerana permainan ini tidak terhad kepada kekangan tempat asalkan mempunyai talian internet yang pantas. Melalui program pembangunan sukan yang konstruktif ini, PSA berharap untuk melahirkan atlet yang berwibawa sesuai dengan matlamat untuk melahirkan "the thinking athlete". Oleh yang demikian, demi menyahut perubahan trend dunia sukan pada hari ini, program pembangunan ini adalah amat digalakkan untuk menyerlahkan lagi bakat setiap siswa yang menyertai kejohanan e-sports.

Hasil yang diharapkan melalui galakan esport adalah seperti berikut :

• Negara :

Program ini dapat melahirkan siswa yang cergas dan cerdas dari segi mental dan fizikal selaras Dasar Sukan IPT iaitu melahirkan sekurang-kurangnya 30% atlet dalam kalangan siswa IPT.

• Masyarakat :

Mewujudkan suasana dan kehidupan masyarakat yang sihat dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

• Institusi :

Melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran bercirikan warga global yang dilihat dapat berdaya saing dalam pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran.

• Mahasiswa :

Membentuk insan yang berketrampilan, berpengetahuan, berakhhlak serta berkemahiran tinggi.

“Orang mukmin yang kuat (segalanya) itu, lebih baik dan lebih dikasihi Allah daripada mukmin yang lemah sedang setiap (mukmin) itu semuanya baik. Utamakanlah (berusahaalah) terhadap perkara yang menjamin kemanfaatamu dan sentiasa bermohon pertolongan Allah tanpa rasa lemah semangat.”

Riwayat Muslim (2664) dan Ibn Majah (4168)



PSA PUSAT KECEMERLANGAN ATLIT (PKAT) WOODBALL ANJUR KURSUS WOODBALL

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Pada 8 Julai 2020 PSA telah menganjurkan Kursus Asas Woodball. PSA sebagai Pusat Kecemerlangan Atlit (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dalam menganjurkan program ini. Kursus ini telah dihadiri oleh 70 orang peserta yang terdiri daripada guruguru dari SK Simpang Lima (1) Klang dan SK St Anne's Convent, Pelabuhan Klang.

Antara objektif kursus asas woodball ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan sukan woodball dan berkongsi pengalaman, kemahiran, fasiliti dan peralatan kepada para peserta. Kursus yang dijalankan secara teori dan praktikal ini berlangsung di Galeria Bestari dan Laman Woodball PSA dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.

Turut hadir dalam kursus ini adalah Puan Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA selaku wakil pihak pengurusan PSA dan Dato Paduka Redzuan bin Mohd Nor, Penaung Kelab Woodball Metropolitan Kuala Lumpur. Tuan Haji Izmi bin Bin Haji Ismail, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor juga turut hadir bagi menyempurnakan sesi penutup dan penyampaian cenderahati.



Seorang yang sangat aktif dalam pelbagai jenis sukan dan sentiasa menyertai aktiviti sukan dan kokurikulum. Penglibatan aktif beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan seperti Anugerah Sukan dan Kokurikulum PSA tahun 2019 Pemenang Cabaran 1 Sukan 1 Pegawai (1O1S) 2021, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2017.

Selain aktif dengan pelbagai jenis sukan beliau turut aktif dalam bidang kepimpinan sukan dan menyumbang kepakaran dengan beberapa agensi luar. Antara agensi yang disertai beliau adalah Persatuan Jurulatih Bolasepak Kebangsaan (PJBM), Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) dan menjadi Instruktur Futsal Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

TAHNAIH EN. AHMAD KHAIRI ASWAD, JURULATIH TERBAIK POLYSEA 2019!

Oleh : Mohd Hariz bin Samian

PUTRAJAYA - Pada 21 September 2020 Majlis Sukan Politeknik telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Politeknik atau lebih dikenali sebagai 'Polytechnic Sports Excellence Award (POLYSEA) 2019'. Majlis yang berlangsung di Hotel Everly Putraya ini merupakan majlis bagi menghargai jasa dan pengorbanan atlit serta jurulatih sukan dalam mengharumkan nama Politeknik Malaysia. Majlis gilang gemilang tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Ts Dr. Mohammad Naim bin Yaakub. Majlis ini turut dihadiri oleh Dr. Pekan bin Ramlie, Ketua Unit Sukan KPT, Ts Hj. Muhammad Rumzi bin Mamat, Yang Dipertua Majlis Sukan Politeknik, Pengarah-Pengarah Bahagian JPPKK, Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, para pegawai serta atlet-atlet Politeknik Malaysia.

Ahmad Khairi Aswad bin Ishak, satu nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi di PSA. Beliau mula berkhidmat di Unit Sukan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan Jabatan Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum (JSKK) pada tahun 2010. Dari sudut akademik, beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).



'Gold medals aren't really made of gold. They're made of sweat, determination, and a hard-to-find alloy called guts.'

-by Dan Gable

Kepakaran beliau adalah dalam sukan futsal. Ini terbukti dengan kejayaan membentuk pasukan futsal menjuarai Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), Liga Futsal Politeknik Malaysia (LFPM), Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta menjadi Ketua Jurulatih Kuala Lumpur FA bagi Liga Premier Futsal Malaysia.

Berbekalkan pengalaman selama 10 tahun dalam bidang kejurulatihan, beliau berjaya membawa nama Politeknik ke peringkat tertinggi sehingga beberapa orang siswa politeknik terpilih mewakili pasukan Malaysia ke Kejohanan Antarabangsa. Sehingga kini, pencapaian beliau telah berjaya membuka mata pasukan luar apabila ditawarkan kontrak bersama pasukan Selangor FC, pasukan yang menjuarai Liga Premier Futsal Malaysia dan akan membawa cabaran ke saingan peringkat Asia.

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada pegawai PSA, Ahmad Khairi Aswad bin Ishak dan semoga dengan penganugerahan ini dapat memberi motivasi kepada seluruh warga PSA khasnya serta seluruh warga Politeknik Malaysia amnya untuk bekerja dan berkhidmat dengan lebih bersemangat lagi. Tahniah juga diucapkan kepada semua pemenang serta calon-calon terpilih di dalam majlis anugerah tersebut.



Syabas & Tahniah

RANGKUMAN AKTIVITI



MALAYSIA PRIHATIN

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PSA 2020

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 disambut sepanjang bulan Ogos 2020 hingga pertengahan September 2020 dengan norma baharu. Pelbagai aktiviti kemerdekaan telah dijalankan dengan penglibatan rakan strategik dalam menjayakan program ini sebagai penghayatan terhadap inisiatif kerajaan membantu rakyat. Selari dengan tema Kemerdekaan Malaysia yang ke 63 iaitu Malaysia Prihatin terhadap terhadap situasi ekonomi, kebajikan, dan kesejahteraan rakyat akibat pandemik COVID-19, PSA turut turun padang demi memberi sokongan kepada komuniti dalam memelihara keamanan yang dikecapai. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar PSA Sesi 2019/2020 telah bersama-sama menganjurkan program ini yang berlangsung di beberapa tempat selain PSA iaitu dari utara tanahair di Pulau Pinang, Sabak Bernam dan Jerantut.

Matlamat program ini adalah untuk mengerakkan Teras Strategik Pertama dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) iaitu untuk menghasilkan graduan TVET yang berkualiti secara holistik dan mampu yang akan tercipta melalui penglibatan siswa secara langsung dan tidak langsung dalam program melibatkan komuniti. Disamping itu, Teras Ketiga iaitu bagi pembangunan bakat graduan yang komprehensif dapat diterapkan dengan melaksanakan mekanisme pembelajaran secara authentic dan immersive. Selain itu, program ini juga akan memperkuuhkan Teras Strategik Kelima kepada PSA iaitu melalui perluasan akses jaringan kolaborasi bersama industri dan komuniti. PSA amat menghargai kehadiran terutamanya Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Dr. Hj. Muhammad Naim bin Yaakub, Semua Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah, ADUN Teluk Bahang, YB Hj. Zolkifly bin Md Lazim, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, Pn. Pariahah binti Hassan, dalam program Sambutan Kemerdekaan PSA 2020 ini.

Justeru PSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya En. Muhammad Fazli bin Suhailin Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPIEM Negeri Selangor, Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri (PPYN) Zon Utara Mohd Fauzi bin Adnan, Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam Tn. Mohd Jalili bin Hj. Yahaya, Pengetua SMK Sungai Haji Dorani Tn. Hj. Mohd. Fauzi bin Ibrahim, Guru Besar Sekolah Rendah Kebangsaan Haji Dorani, Pn. Hamidah binti Hashim, Ketua Operasi Agihan Pusat Zakat Selangor Cawangan Sabak Bernam En. Azizul Fitri bin Salam yang diwakili oleh En. Khairul bin Hussain, dan Yang Di Pertua Alumni PSA, Tn. Hj. Rizal bin Shafee kerana penglibatan aktif dalam program ini. PSA turut mengucapkan jutaan terima kasih diatas bantuan tenaga terutamanya guru-guru sekolah yang terlibat, Polis Trafik Cawangan Sabak Bernam, dan Ahli Jawatankuasa Masjid Bagan Air Itam, serta layanan staf Galeri Mat Kilau.

Selain itu PSA amat berbesar hati kepada pelajar PSA dari keluarga B40 yang menerima kehadiran PSA ke rumah mereka dan peserta berbasikal dari Kolej Komuniti Sabak Bernam, Politeknik Sabak Bernam dan kariah Masjid Bagan Air Itam. Tidak ketinggalan Pengurusan PSA amat menghargai komitmen tidak berbelah bagi dari MPP PSA, staf dan siswa PSA dalam menjayakan program Sambutan Kemerdekaan ini.

PSA turut menerbitkan sebuah buku bergambar yang merakamkan momen Sambutan Kemerdekaan ini berjudul Bingkisan Budi Sambutan Kemerdekaan PSA 2020. Melalui pelbagai acara Bulan Kemerdekaan kali ini dapat disematkan kembali asas-asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya kepada staf dan siswa PSA. Apatah lagi sikap prihatin terhadap komuniti yang diterapkan kepada siswa diharap menjadi tauladan dalam kehidupan mereka. Berikut adalah acara yang telah dijalankan sepanjang Sambutan Kemerdekaan PSA 2020:



PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PSA 2020 DAN KEJOHANAN WOODBALL MERDEKA

Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Kali ke 63 di PSA telah disemarakkan dengan pelbagai acara bulan kemerdekaan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Pelancaran sambutan telah diadakan pada 8 Ogos 2020 yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub. Acara ini dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan, Majlis Perwakilan Pelajar serta Kelab Sportrec PSA. Majlis dimulakan dengan deklamasi sajak yang bertenaga dari graduan PSA iaitu Sdr. Awaludin Jalalus bin Shuti. Sejurus tamat tetamu dikejutkan dengan kedatangan sekumpulan menaiki kenderaan yang membawa bersama Jalur Gemilang dengan dirungi alunan lagu 'Jalur Gemilang'. Konvoi kenderaan ini diketuai oleh Dr. Hasmawi bin Khalid, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PSA. Simbolik bagi perasmian sambutan bulan kemerdekaan kali ini adalah penyerahan Jalur Gemilang daripada Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub kepada Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail.

Terdahulu pada awal pagi Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub telah berbesar hati untuk menyertai pertandingan woodball dan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah pada Majlis Penutup Kejohanan Woodball @Merdeka. Kejohanan ini adalah acara yang menjadi pembuka tirai bagi Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020. Empat kategori yang dipertandingkan adalah Individu Pelajar, Berkumpulan Pelajar, Individu Staf dan Berkumpulan Staff. Namun begitu acara yang menjadi tumpuan ramai ialah 'Gate In One' dengan hadiah wang tunai RM300. Kejohanan Woodball@Merdeka kali ini telah menarik sejumlah 17 pasukan untuk bertanding dari kalangan siswa dan staf dari Politeknik Zon Tengah.

Dalam majlis yang sama, Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub turut merasmikan logo rasmi Kelab Woodball PSA yang akan dikenali dengan nama PSA Woodball Club (PWC). Penubuhan PWC memperlihatkan komitmen padu PSA untuk memartabatkan sukan Woodball. Melalui penubuhan PWC ini, PSA dijangka mampu menganjurkan beberapa kejohanan woodball dengan skala yang lebih besar pada masa akan datang.

PERTANDINGAN HIASAN KEMERDEKAAN


Warna-warni Jalur Gemilang menghiasi kampus PSA sebagai memenuhi kriteria Pertandingan Hiasa Kemerdekaan. Pertandingan ini berkonsepkan kitar semula iaitu menggunakan bahan terbuang dan Jalur Gemilang di dalam membuat hiasan suasana kemerdekaan di PSA. Pertandingan ini menerima sambutan yang hangat kerana kesemua jabatan, pusat dan unit menyertainya. Masing-masing gigih menampilkan semangat cintakan negara dan menghargai kemerdekaan negara melalui dekorasi kreatif yang dihasilkan. Terdapat 2 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Jabatan Induk dan kategori Jabatan, Pusat dan Unit. Pemenang acara ini adalah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Pentadbiran. Selain menceriakan suasana hiasan kemerdekaan juga telah mengeratkan hubungan sesama staf.



Jabatan Kejuruteraan Awam




PERTANDINGAN E-POSTER KEMERDEKAAN



Pertandingan ini dianjurkan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer sebagai wadah siswa mengukuhkan kemahiran menggunakan pelbagai aplikasi komputer dalam menghasilkan e-poster. Pertandingan ini memerlukan mereka menghasilkan e-poster dan memuatnaik di pautan yang disediakan. Juara pertandingan e-poster jatuh kepada siswa Jabatan Perdagangan iaitu Sdr. Hariz Nazmi bin Hamizam (DPI3A). Beliau juga turut membolot pemenang e-poll. Tempat kedua dan ketiga pula jatuh kepada Sdr. Muhammad Nur Khalish bin Abdul Ghani (DPM1A) dan Sdri. Sangita A/P Subramaniam (DPI2A) juga dari Jabatan Perdagangan. Tahniah kepada pemenang!

PERTANDINGAN SWAFOTO

Satu lagi pertandingan yang mendapat sambutan ramai ialah Pertandingan Swafoto kerana konsep pertandingan yang ringkas dan mudah disertai. Peserta hanya perlu berswafoto dengan elemen Jalur Gemilang dan memuatnaik foto tersebut di pautan yang disediakan. Peraduan ini terbuka kepada staf dan siswa. Pelbagai aksi swafoto dirakam lensa peserta dan juara pertandingan ini telah dimenangi oleh Pn. Norsafira binti Baharom (JHEP). Seterusnya tempat kedua dan ketiga telah jatuh kepada Sdr. Ali Ikram bin Kusnin (JKA) dan En. Mohd Hanif bin Selamat (UIDM). Tahniah kepada pemenang!



Juara
Norsafira Bharom, JHEP

TAYANGAN FILEM PATRIOTIK DAN KUIZ KEMERDEKAAN DALAM TALIAN

Bagi memeriahkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020, Perpustakaan Ibnu Khaldun turut menayangkan filem-filem patriotik. Sejumlah 9 buah filem berkaitan perjuangan dan kemerdekaan telah ditayangkan sepanjang program ini. Senarai filem yang ditayangkan adalah seperti berikut iaitu Bukit Kepong, Leftenan Adnan, dan Kanang Anak Langkau : The Iban Warrior. Acara ini bertujuan untuk menghayati kemerdekaan melalui hiburan dengan mencontohi semangat patriotik yang diketengahkan dalam filem tersebut. Seterusnya menginsafi betapa perlunya generasi sekarang menghargai keamanan yang ada.

Perpustakaan turut menganjurkan Kuiz Kemerdekaan secara dalam talian melalui <https://tinyurl.com/kuizkemerdekaan2020>. Sejumlah 50 penyertaan diterima dan pemenang telah menerima hadiah masing-masing pada Majlis Penutup Sambutan Kemerdekaan PSA 2020.



MAJLIS BACAAN YASIN

Majlis Bacaan Yasin yang biasa dibuat pada malam Jumaat telah diadakan khusus sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020. Tuan Pengarah PSA dan hadirin Pusat Islam telah bersama-sama membuat bacaan Yasin dan menghadiahkan pahala bacaan kepada arwah muslimin muslimat yang telah meninggal dunia terutamanya kepada arwah pejuang kemerdekaan Malaysia. Ia diadakan sebaik selesai solat Maghrib berjamaah.



Selesai bacaan Yasin, hadirin berpeluang mendengar tazkirah berjudul 'Kemerdekaan Seorang Hamba Kepada Tuhan' oleh Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak, Imam 1 Pusat Islam. Majlis ditamatkan ketika masuknya waktu Isyak dan hadirin bersama-sama mengerjakan solat Isyak berjamaah. Majlis ini telah dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KKM dan MKN iaitu mematuhi penjarakan sosial dan memakai pelitup muka.

KEMBARA PRIHATIN JEJAK MERDEKA

Pada 8 September 2020 PSA telah menganjurkan Kembara Prihatin Jejak Merdeka 2020. Program ini dilaksanakan di Kampung Sungai Haji Dorani, Sungai Besar yang dikendalikan oleh siswa Kelab Sukarelawan dan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), PSA bersama YaPIEM. Program ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Tiga acara utama dalam Kembara Prihatin Jejak Merdeka adalah seperti berikut :

a. Pemasangan Sinki di SMK Sg. Haji Dorani dan Serahan Daging Segar Dalam usaha memerangi pandemik COVID-19, Kelab Sukarelawan, MPP telah memberi sumbangan sinki kepada dua buah sekolah iaitu Sekolah Agama Menengah Haji Dorani dan Sekolah Rendah Kebangsaan Haji Dorani, Sungai Besar. Sinki ini dipasang oleh siswa dari Jabatan Kejuruteraan Awam yang mempraktikkan kemahiran dalam pemasangan sinki tersebut. Selain itu serahan daging kepada pelajar di enam sekolah melibatkan 180 Pelajar dari sekolah Menengah Perempuan Kapar, SK Tanjung Keramat, SAM Sungai Haji Dorani, SK Sungai Haji Dorani, SK Sungai Limau dan SK Parit turut dibuat.

b. 63 Peserta Berbasikal di Sungai Haji Dorani. Konvoi ini terdiri daripada kumpulan berbasikal pelajar dan pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Idris Shah dan Kolej Komuniti Sabak Bernam. Sejumlah 63 peserta terlibat dalam konvoi ini adalah sempena 63 tahun Kemerdekaan. Konvoi berbasikal sejauh 20 kilometer mengelilingi kampung Sungai Haji Dorani, Selangor ini singgah ke rumah penerima B40 untuk menyerahkan sumbangan barang makanan.

c. PSA Bantu Siswa B40. Seramai 6 orang siswa dari keluarga B40 telah menerima bantuan berupa wang tunai sumbangan Alumni PSA dan pek barang keperluan dapur sumbangan dari Zakat Selangor.



TREASURE HUNT MERDEKA

Treasure Hunt merupakan pertandingan bagi menguji pengetahuan peserta dalam mengenali tempat bersejarah di Selangor seterusnya meningkatkan semangat kemerdekaan. Sebanyak 5 checkpoint telah disusun sepanjang perjalanan menuju ke Sabak Bernam di mana setiap checkpoint disertakan dengan soalan yang akan menguji kepintaran peserta. Sebanyak 10 kumpulan telah menyertai pertandingan ini dari JKA, JKE, JKM, dan JPG dan kumpulan dari JKE telah dinobatkan sebagai juara.

Garis mula pertandingan ini adalah di depan Dewan Al-Jazari sebaik dirasmikan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail. Turut hadir semasa majlis ini ialah Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail dan Pengarah Pentadbiran YaPIEM Negeri Selangor, En. Fazli bin Suhailin serta barisan Ahli Majlis Tertinggi PSA.



Checkpoint pertama : Plaza Perabot Glenmarie.

Setiap kumpulan perlu menyelesaikan lima buah teka-teki sebelum mara ke checkpoint seterusnya.

Checkpoint kedua : Pantai Remis, Jeram.

Peserta berhadapan cabaran untuk mencari kepingan puzzle. Kepingan puzzle ini merupakan petunjuk bagi checkpoint ketiga. Selain itu, peserta juga perlu akan bermain tiga jenis permainan iaitu besi yang perlu dipisahkan, sepak botol dan helikopter.

Checkpoint ketiga : Bukit Melawati, Kuala Selangor.

Peserta perlu mendaki Bukit Melawati perlu berselfie bersama monyet-monyet dan mencari sampul tersembunyi untuk menyelesaikan teka silang kata. Selepas selesai cabaran ini peserta telah diberikan koordinat checkpoint keempat sebelum bergerak ke sana.

Checkpoint keempat : Pantai Batu 23, Sungai Nibong.

Misi pertama adalah peserta perlu bermain sepak bulu ayam dengan menimang sekurang-kurangnya satu pusingan. Satu pusingan dikira berdasarkan bilangan peserta kumpulan. Cabaran seterusnya adalah mencari 5 jalur gemilang di kawasan Pantai Batu 23.

Checkpoint terakhir : Inap D'bondang Homestay.

Semua peserta teruja kerana perlu menggagau ikan di sawah yang berlumpur. Kumpulan akan menerima markah bonus bagi setiap ikan yang ditangkap.

KEMBARA JEJAK PAHLAWAN



Kembara Jejak Pahlawan merupakan suatu pengembalaan konvoi bermotosikal ke Ulu Tembeling, Jerantut terhadap jalan yang pernah dirintis oleh Mat Kilau dalam mempertahankan negara. Kawasan Ulu Tembeling terletak di pedalaman yang mana pada satu ketika dahulu di mana laluan utama untuk berhubung dengan dunia luar adalah melalui jalan air. Peserta juga telah melawat Galeri Mat Kilau bagi lebih memahami sejarah perjuangan beliau. Jarak perjalanan yang telah ditempuh sepanjang perjalanan 3 hari 2 malam ini ialah 650 kilometer. Secara umumnya laluan yang ditempuh adalah seperti berikut:

28 Ogos 2020

Perjalanan selama 10 jam dari PSA melalui Temerloh dan Felda Retang hingga sampai ke destinasi Kuala Sat bagaikan tidak terasa. Ketika sampai di Kuala Sat hari telah gelap dan kesemua peserta juga sudah terlalu lelah setelah menempuh perjalanan sepanjang hari.

29 Ogos 2020


Peserta tidak melepaskan peluang menjamah masakan tempatan di sini seperti jering rebus dan gulai asam rong yang memang popular di Kuala Tembeling. Peserta juga singgah di kawasan rekreasi di Kampung Awang iaitu Bukit Awan (Clouds Hill) yang merupakan suatu kawasan tanah tinggi. Dari Bukit Awan perjalanan diteruskan ke Kg. Mat Daling melalui jalan darat dan berpeluang merasai pengalaman melalui off road sebagai laluan utama penduduk di situ. Laluan off road sejauh 14 kilometer sehala ini sungguh mencabar adrenalin peserta kerana jalan yang tidak rata, berkerikil dan berbukit. Destinasi seterusnya adalah Sungai Tembeling di mana sebelum adanya jalan raya, sungai ini merupakan laluan utama penduduk sekitar Ulu Tembeling untuk berhubung dengan dunia luar. Berdasarkan sejarah, sungai ini digunakan oleh Mat Kilau sebagai laluan beliau ke Terengganu.

30 Ogos 2020

Perjalanan balik dari Kg. Kuala Sat melalui Kuala Tahan sehingga sampai ke Jerantut mengambil masa selama 4 jam. Peserta menuju ke Kompleks Galeri Mat Kilau yang terletak di Pulau Tawar, Jerantut.

Selain Mat Kilau, galeri tersebut turut memperkenalkan artifak sejarah Pahlawan Melayu Pahang seperti Tok Gajah, Pawang Noh dan Dato' Bahaman.

Melalui penerokaan ke kawasan pedalaman di daerah Jerantut ini, peserta lebih mensyukuri nikmat kemudahan yang dinikmati. Benarlah kata pepatah, jauh perjalanan luas pemandangan. Pengembalaan ini membuka mata dan hati peserta untuk menjadi lebih bersyukur dengan kemudahan yang dinikmati.



PERHIMPUNAN STAF BILANGAN 3/2020 ANJURAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Perhimpunan Staf Bilangan 3/2020 bertema Malaysia Prihatin meriah dengan staf mengenakan persalinan warna Jalur Gemilang bagi menepati tema Kemerdekaan. Majlis ini turut dihadiri oleh En. Muhammad Fazli bin Suhailin, Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPIEM Negeri Selangor yang telah menyampaikan taklimat berkaitan bantuan yang boleh diberikan oleh YaPIEM. Beliau turut menyampaikan bantuan kepada staf PSA dan antara penerima ialah balu arwah En. Yusnidzam bin Basir.

Dalam majlis ini, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam telah mendeklamasikan sajak berjudul 31 Ogos Datang Lagi karya Wan Zahari Wan Ali. Selain itu dua pelancaran telah dibuat iaitu pelancaran portal baharu PSA dan e-pocket. Menerusi segmen Pakaian Mengikut Tema Kemerdekaan, dua orang staf telah dipilih sebagai pemenang iaitu Us. Nasharudin bin Zainal Abidin dan Pn. Madzrool Ismawati binti Ismail. Hadirin turut bersemangat apabila lagu-lagu patriotik dinyanyikan bersama. Pada akhir majlis, Tuan Pengarah PSA turut meluangkan masa bergambar bersama dengan staf sebagai kenang-kenangan.



MASJID BAGAN AIR ITAM-PSA MERDEKA RIDE

Acara ini merupakan kayuhan sepanjang 80 kilometer bermula di Masjid Bagan Air Itam (MBAI) Balik Pulau mengelilingi Pulau Pulau dan tamat di tempat yang sama. Sejumlah 40 peserta telah menyertai kayuhan ini yang terdiri daripada 12 orang staf PSA manakala selebihnya adalah peserta MBAI. Turut serta dalam kayuhan tersebut adalah Pengarah Politeknik Ungku Omar, Ts. Hj. Mohd Fisal bin Haroon dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail. Dengan tagline Inspirasi Musa'adah COVID-19, PSA bekerjasama dengan rakan strategik YaPEIM yang telah menyumbangkan pek keperluan dapur. Kerjasama ini dirangka atas kapasiti Tuan Pengarah PSA yang juga adalah Pengurus Masjid Bagan Air Itam, Teluk Bahang. Sumbangan telah disampaikan oleh Adun Teluk Bahang, YB Hj. Zolkifly bin Md. Lazim dan Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri (PPYN) Zon Utara Mohd Fauzi bin Adnan. Sejumlah 50 orang peserta telah menerima manfaat dari acara ini.

SANTUNI REWANG @MERDEKA



Acara rewang atau gotong royong pagi ini diketuai oleh Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak. Dalam acara ini YaPIEM telah menyumbangkan 100 kilogram daging untuk menyantuni golongan B40 dan para pelajar PSA melalui Foodbank YaPIEM Daging Segar 2.0. Inisiatif YaPIEM menyumbangkan daging segar ini adalah bagi mengimbangi pola pemakanan masyarakat seterusnya meningkatkan kesihatan masyarakat dengan makanan yang berkhasiat.

Selain itu, YaPIEM juga membuka gerai jualan daging lembu segar dan barang keperluan harian yang dijual pada harga berpatutan kepada pengunjung Pusat Islam. Tuan Pengarah PSA diiringi oleh wakil YaPIEM telah meluangkan masa meninjau gerai jualan ini. Selain gulai kawah peserta rewang juga memasak tiga jenis bubur iaitu bubur lambuk dan dua jenis bubur asyura versi Kelantan dan versi Johor. Tuan Pengarah PSA turut turun padang bagi meninjau kerja memasak yang dijalankan bersama-sama. Selesai memasak semua peserta dijemput bersama-sama menjamu selera.



PAMERAN KEMERDEKAAN DI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

PSA turut menyemarakkan sambutan kemerdekaan dengan mengadakan Pameran Kemerdekaan di KPT. PSA telah bergandingan dengan Politeknik Banting, Kolej Komuniti Batu Gajah dan Kolej Komuniti Temerloh dalam menjayakan pameran ini.





MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG

Majlis ini dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail dan Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, Pn. Pariyah binti Hasan, Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, wakil-wakil agensi, dan warga PSA. Agenda utama majlis tertumpu kepada ucapan oleh Ketua Pengarah JPPKK, TS. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub. Beliau sangat berbangga dengan kerjasama berpasukan yang ditunjukkan oleh staf PSA. Beliau menyeru agar semua pihak bersatu padu dan terus mengekalkan keamaman yang dikecapi sekarang. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan yang dilangsungkan sempena program ini.

Selain itu, YaPEIM juga telah menyerahkan bantuan Inspirasi Musaadah COVID-19 berupa wang tunai berjumlah RM 200 kepada lima orang pelajar Asnaf dan B40 yang disampaikan oleh Pn. Pariyah Hasan. Dalam majlis yang sama turut diadakan segmen Jasamu Dikenang bagi menghargai jasa Ketua Pengarah JPPKK yang akan bersara pada 1 Oktober 2020. PSA turut menghasilkan video tribute untuk beliau selain deklamasi sajak oleh Us. Mohd. Sharoni bin Ismail, Pengurus Kelab Kebajikan Kaktangan PSA berjudul Bayi Itu. Selain itu Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah juga turut menghadihkan hadiah istimewa kepada beliau berupa sebuah basikal mountain bike. Sebelum majlis berakhir, persembahan oleh pelajar khas JKM dan siswa dari Kelab Semarak Seni, PSA telah memeriahkan lagi majlis gilang gemilang ini.



SAMBUTAN 10 TAHUN POLITEKNIK PREMIER

HORIZON BARU POLITEKNIK PREMIER

Oleh : Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Perisytiharan tiga buah Politeknik Premier oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2010 adalah pengiktirafan terbesar kepada sistem pendidikan politeknik Malaysia dalam membangunkan pendidikan TVET negara. Tiga buah politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Politeknik Ibrahim Sultan telah dipilih untuk menjadi permulaan anjakan paradigma terhadap sistem politeknik. Tiga politeknik ini diberi kuasa untuk meluaskan penawaran program ke peringkat ijazah, mengenakan syarat kemasukan yang sama dengan institusi pengajian tinggi awam, membangunkan pusat teknologi (Centre of Technology-COT) yang berimpak tinggi, memperkasakan penyelidikan dan inovasi, mengadakan kerjasama serantau dan terkini serta menawarkan program kepada siswa antarabangsa.

Sedekad telah berlalu, ketiga-tiga buah institusi ini telah mencipta sejarah dan kejayaan yang amat cemerlang. Pelbagai kecemerlangan telah diperoleh dari aspek siswa, staf, program, institusi, hubungan industri, keusahawanan, penyelidikan dan inovasi dan pengantarabangsaan. Kadar kebolehpasaran yang melebihi 95%, pensyarah yang kompeten, program yang diiktiraf dan hubungan dengan industri yang sangat kukuh telah membuktikan politeknik premier telah melepas fasa kecemerlangan yang ditetapkan.

Kaedah pembelajaran dengan menggunakan work-based learning, technology enable collaborative classroom (TECC) dan Malaysian Online Open Learning (MOOC) adalah amalan terbaik dan telah dijadikan penanda aras oleh universiti dan institusi dalam dan luar negara. PSA misalnya telah menerima Anugerah The Best Solution Provider dalam aspek penyelidikan dan Inovasi dengan memperoleh jumlah geran terbanyak dalam Public Private Research Network dan TVET Applied Research Grants (T-Args). PSA juga mencipta kejayaan apabila dinobatkan sebagai pemenang pertama anugerah Rekabentuk Semula Kurikulum Inovatif dalam pertandingan Anugerah Pemikiran Semula dan Rekabentuk Pengajaran (APRS) pada tahun 2017 yang disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia.

Politeknik Premier juga telah mencapai pelbagai anugerah yang berprestasi tinggi dalam pertandingan dalam dan luar negara misalnya Malaysia Technology Expo(MTE), International Technology and Design Expo (ITEX), Word Skills Competition(WSC), Seoul International Electric Fair (SIEF) dan iENA di Geneva.



Sistem pengurusan kualiti institusi dan program pula diperoleh melalui ISO, MQA (Malaysian Qualifications Register), TTAC (Technology and Technical Accreditation oleh Malaysia Board of Technologists) dan ETAC (Engineering Tecnology Accreditation Council oleh Board of Engineers Malaysia). Pengiktirafan di peringkat antarabangsa dicapai melalui Canadian Tecnology Accreditadion Board (CTAB) dan Asia-Pacific Accreditation Certification Commission (APACC).

Aktiviti mobiliti siswa, CSR dan penyelidikan di peringkat antarabangsa juga telah berjaya diperkasakan dengan menandatangani beberapa buah perjanjian persefahaman bersama institusi dan agensi luar negara termasuklah Indonesia, Thailand, Kemboja, China dan terkini ialah bersama Turki.

Pencapaian beberapa PusatTeknologi(COT)di Politeknik Premier juga telah mencapai tahap kematangan. Contohnya, PSA amat berbangga dengan pencapaian Centre for Medical Electronic Technology (CMET) yang telah diiktiraf sebagai Makmal kalibrasi biomedical pertama di Asia Tenggara.

Pusat ini telah diperakui oleh Jabatan Standard Malaysia untuk mendapat MS ISO / IEC 17025 dan mencapai tahap kecemerlangan dalam audit yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Komuniti. Namun begitu, beberapa kekangan dalam membangun dan menguruskan pusat ini telah dikenalpasti terutamanya dari aspek governan dan kewangan. Sehubungan itu, PSA mencadangkan agar pusat ini dinaiktaraf dan diberi kuasa autonomi menjadi sebuah institut dan diberikanunkan. Kertas kerja berhubung pemerbadanan ini telah dibentangkan dalam mesyuarat TVET Ekosistem JPPKK pada 14 Oktober 2019.

Ringkasnya, institusi premier ini telahpun mencapai tahap kematangannya dan memerlukan anjakan ke peringkat seterusnya. Maka, kini adalah wajar bagi JPPKK untuk mengkaji dan menjenamakan semula politeknik premier sedia ada selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengarusperdanakan pendidikan TVET. Horizon baharu dan penjenamaan politeknik premier sedia ada seharusnya berpaksikan tujuh strategi pemerkasaan TVET yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET negara iaitu place and train, Co-ownership model, Industry-based Centre of Excellence (CoE), Flat mobility of expertise, TVET Valued Industry Partners (VIP), Employment Opportunities and wage level and industry-led competencies certification bodies (German GDVT Model).

Objektif Sambutan 10 Tahun Politeknik Premier adalah :

1. Memperlihat perkembangan politeknik premier sebagai peneraju kecemerlangan institusi TVET politeknik.
2. Memperkasa politeknik dengan imej baru agar mampu bersaing dan menjadi institusi pilihan utama.
3. Membuktikan kelestarian penghasilan potensi modal insan negara yang holistik.

Hanya beberapa aktiviti yang sempat dijalankan seperti Wall of Fame, Hari Terbuka CMET, Penerbitan Buletin CMET dan Research, Innovation and Commercialization Expo 2020 (RICE 2020). Pandemik yang melanda negara dan beberapa perkembangan di peringkat kementerian terhadap TVET telah menyebabkan diubahsuai perancangannya.

WALL OF FAME

Oleh : Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Sejak ditubuhkan PSA telah mencapai banyak kejayaan yang membanggakan lebih-lebih lagi selepas diisytiharkan sebagai Politeknik Premier. Rakaman kejayaan ini yang sebelum ini hanya tersimpan di dalam album kini boleh ditatap di Wall of Fame di laluan Bangunan Pentadbiran. Usaha ini dapat memberi suntikan semangat kepada staf untuk lebih mencipta kejayaan untuk PSA pada masa akan datang.



HARI TERBUKA CMET

Oleh : Nor Sham Hasan

Inisiatif terkini pemerkasaan PSA sebagai politeknik premier adalah menambah bilangan Centre of Technology (COT) (Pusat Pembangunan Teknologi). Kini PSA mempunyai 3 buah COT iaitu Centre For Medical Electronic Technology (CMET) (Pusat Teknologi Elektronik Perubatan), Technology for Robotic & Internet of Things Centre (TRIC) (Pusat Teknologi Robotik dan Internet of Things) dan Future Instructional Technology and Academic Centre (FITAC) (Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan).

Justeru bagi mempromosi COT PSA ini maka pada 1 Oktober 2020, pihak CMET telah menganjurkan majlis COT Open Day kepada warga PSA. Tema COT Open day ini adalah 'Perfect From The Beginning to The End'. Majlis ini merupakan platform untuk memperkenalkan COT yang terdapat di PSA serta perkhidmatan yang ditawarkan. Warga PSA berpeluang untuk menfaatkan setiap program yang telah dirancang kerana lawatan ke makmal kalibrasi hanya di izinkan bersempena Sambutan 10 tahun PSA Politeknik Premier dan sempena 10 tahun penubuhan CMET @PSA sahaja.



'Rome was not built in one day.'

- John Heywood

'Set your goals high, and don't stop until you get there'

- Bo Jackson



BULETIN CMET

Oleh : Norsham binti Hassan

Pada 1 Oktober 2020 - Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail telah membuat Pelancaran khas Buletin CMET (Centre for Medical Electronic Technology). Pelancaran Buletin CMET ini sempena CMET Open Day yang berlangsung pada hari tersebut. Buletin ini telah memaparkan segala usaha dan kejayaan yang telah dicapai oleh CMET sepanjang sepuluh tahun penubuhannya. Tahniah CMET, Perfect From The Beginning to The End.


RESEARCH, INNOVATION AND COMMERCIALIZATION EXPO 2020 (RICE 2020)

Oleh : Siti Azliya binti Ismail

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (CRI), PSA telah menganjurkan pertandingan akhir Projek Pelajar pada 3 hingga 11 November 2020 yang berlangsung secara dalam talian. Pertandingan yang dinamakan Research, Innovation And Commercialization Expo 2020 (RICE 2020) mengenangkan sepuluh kumpulan terbaik siswa setiap Jabatan Induk.

RICE 2020 merupakan platform kepada siswa bagi membentangkan idea dan inovasi atau pengetahuan dalam bidang untuk menunjukkan kemampuan siswa mencipta atau menemui sesuatu yang baharu. Sehubungan itu, penglibatan siswa dapat memperkasa dan membudayakan penyelidikan yang kreatif dan berinovasi. Ia adalah selaras dengan Lonjakan Ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), iaitu Ekosistem Inovasi yang lebih menekankan usaha memperteguhkan penyelidikan dan inovasi.

Selain itu, fokus aktiviti adalah untuk memberikan pendedahan dan mengetengahkan idea-idea baharu para siswa. Ini dapat menggalakkan para siswa supaya berdaya saing, berfikiran di luar kotak dan membudayakan teknologi dalam kehidupan. Disamping itu, dapat membangunkan kemahiran pemikiran kritis siswa melalui pembangunan produk yang dihasilkan dan untuk dipertimbangkan bagi tujuan pengkomersilan. Pertandingan ini telah diadili oleh panel luar yang terdiri daripada industri dan akademia.



Senarai pemenang RICE 2020 seperti berikut :

Best Video Presentation

Tempat Pertama : Automatic Waste Segrator (JKE)
Tempat Kedua : Smart Toolbox (JKM)
Tempat Ketiga : Bookniture (JPG)

Best Project Report

Tempat Pertama : Smart Wheelchair (JKE)
Tempat Kedua : Pro-Filler (JKM)
Tempat Ketiga : Bookniture (JPG)

Best Sustainable Value

Tempat Pertama : Auto Rotate Solar Panel (JKE)
Tempat Kedua : QR Data Collector (JKA)
Tempat Ketiga : Gas Stove Timer (JKM)

Best Commercial Product

Tempat Pertama : Follow Me Trolley (JKE)
Tempat Kedua : Penapis Sisa Minyak Mini (JKA)
Tempat Ketiga : Food Dehydrator (JKM)

Best Creative Idea

Tempat Pertama : Rider Emergency Assistant (JKE)
Tempat Kedua : Penapis Sisa Minyak Mini (JKA)
Tempat Ketiga : Obsvoid (JKM)

Best Overall Project

Auto Rotate Solar Panel (JKE)

Pertandingan RICE ini berjaya melahirkan idea kreatif dan inovatif siswa di dalam projek akhir mereka. Pelbagai produk boleh diketengahkan lagi sehingga ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa untuk melebar luaskan idea siswa kita.



BERITA STAF

PSA RAIKAN PERSARAAN DR. WAN NOORAINI WAN KAMARUDDIN

Oleh : Norhayati binti Majid



Pensyarah Utama, Dr. Wan Nooraini binti Wan Kamaruddin merupakan anak kelahiran negeri Perak dan berperawakan lemah lembut namun diam-diam ubi tapi berisi. Melihat kepada profil beliau, banyak yang telah berjaya dicapai sepanjang 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Beliau mengakui banyak suka duka dihadapinya ketika menjadi guru di beberapa sekolah menengah dan pensyarah di PSA. Secara rasminya, beliau telah bersara secara pilihan pada 31 Ogos 2020. Pada masa ini beliau bermastautin di Seksyen 19 Shah Alam bersama suami dan 2 orang anak manakala 3 orang anak lagi telah mempunyai keluarga masing-masing.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah berpeluang sebanyak tiga kali melanjutkan pengajian dengan anugerah biasiswa dari JPA, KPM dan KPTM di peringkat Ijazah (*University of Bridgeport, Connecticut*), peringkat Sarjana (*University of Houston, Texas*) dan seterusnya Doktor Falsafah (UKM).

Sepanjang 22 tahun mencurah bakti di PSA beliau telah ditempatkan di Jabatan Pengajian Am sebelum bersara dengan gred terakhir DH54. Antara portfolio yang pernah dipegang beliau ialah sebagai Ketua Unit Bahasa Inggeris pada 2001 hingga 2006, Penasihat Unit Perhubungan & Latihan Industri dan Ketua Editor PSA dari 2017 hingga 2019.

Selain itu beliau juga dilantik sebagai Ketua Kecemerlangan K1 iaitu Tadbir Urus dan Pengurusan PSA dalam Asia Pacific Accreditation & Certification Commission Certification Commission (APACC) dan Ketua Auditor APACC PSA 2019. Kepakaran beliau juga diiktiraf dan dilantik sebagai Panel Kesepakaran untuk kenaikan pangkat bermula pada tahun 2014, Panel Penemuduga Biasiswa, Kementerian Pendidikan pada (2018) dan Jawatankuasa Mengkaji Semula Kurikulum, Sarjana Kepimpinan, Universiti Malaya (2018 – 2019). Di samping itu beliau telah banyak melibatkan diri dalam R & D termasuk sebagai Panel Penilai Jurnal Teknikal UPSI semenjak 2018, Pasukan Teknikal dan Fasilitator untuk kajian kebolehpasaran graduan JPPK bermula daripada tahun 2016. Dr. Wan Nooraini juga berpengalaman sebagai panel penilai untuk pelbagai konferensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu beliau juga terlibat dalam bidang penulisan dan penerbitan samada di peringkat jabatan mahupun kementerian. Dalam bidang penulisan beliau telah menyumbang sebagai Ketua Editor untuk buku *Glitz and Glory PSA* (2018), Buletin PSA dari 2018-2019 dan buku *PSA Jewels in the Valley* (2017). Beliau turut menghasilkan 17 jenis penulisan yang diterbitkan di dalam prosiding, jurnal dan buku.

Di peringkat kementerian beliau telah diberi amanah untuk menulis teks ucapan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mary Yap Kain Ching untuk *English Language Carnival* (ELCAR 2016). Malah beliau juga menulis teks ucapan untuk YAB. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri untuk 18th. *FIRA Roboworld Cup and Congress*, Kuala Lumpur pada Ogos 2013.

Kecemerlangan beliau telah diiktiraf dengan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2001 dan 2014. Sebelum bersara beliau telah diraikan oleh Jabatan Pengajian Am dan Unit Penerbitan PSA. Atas khidmat bakti beliau PSA merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih.



PSA RAIKAN PERSARAAN EN. HO MEN BOON

Oleh : Norhayati binti Majid

En. Ho Men Boon telah bersara pada 14 Ogos 2020 dengan gred terakhir DH52. Sebaik tamat Sijil Perguruan Teknikal dari Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur pada 1984 beliau memulakan karier sebagai pensyarah di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah pada tahun 1985 sehingga tahun 1993. Pada tahun tersebut beliau ke London untuk menyambung pengajian di City University dalam program Bachelor Sains Insurans dan Pelaburan sehingga bergraduat pada 1996. Sekembali ke tanahair beliau ditempatkan di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada sehingga tahun 2000. Dalam pada masa yang sama beliau terus menyambung pengajian peringkat sarjana di UUM pada tahun 1998 dan memperoleh Masters of Business Administration (MBA) pada tahun 2000.

Pada tahun 2000 beliau berpindah ke PSA sehingga bersara pada tahun 2020. Pada 2008 beliau berjaya memperoleh Sijil Perancang Kewangan Berlesen dari Financial Planning Association of Malaysia. Semasa di PSA beliau pernah memegang portfolio sebagai Ketua Program dan Pegawai eLearning. Kecemerlangan beliau diakui dengan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2006 dan 2016 selain turut menerima Pensyarah Politeknik Terbaik (Jabatan Perdagangan) pada tahun 2012.

Antara sumbangan beliau kepada komuniti ialah menjadi Panel Peperiksaan untuk Financial Association of Malaysia, Pengulas Buku untuk Malaysian Insurance Institute dan sebagai Panel Validasi JPPKK. PSA turut merakamkan penghargaan atas bakti beliau selama perkhidmatan terutamanya di PSA.



BELASUNGKAWA BUAT ARWAH EN. YUSNIDZAM BIN BASIR

Oleh : Norhayati binti Ahmad Alwi



KUNDANG JAYA – Pada 20 Ogos 2020, Allahyarham Yusnidzam telah dijemput menemui Ilahi ketika berumur 39 tahun dalam suatu kemalangan ngeri ketika menuju ke tempat kerja. Arwah meninggal serta merta di tempat kejadian pada pukul 7.38 pagi. Arwah bertugas sebagai Juruteknik Komputer, Unit Teknologi Maklumat PSA sejak tahun 2004. Beliau meninggalkan seorang balu dan 4 orang anak. Ketika arwah meninggal dunia, isteri beliau sedang mengandung 4 bulan anak mereka yang keempat.

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. PSA yang diwakili oleh Us. Mohd. Sharoni bin Ismail telah menziarahi jenazah serta menyampaikan sumbangan dari pihak Kelab Kebajikan Kakitangan PSA. Pengurusan PSA juga telah menziarahi isteri dan anak-anak arwah di kediaman mereka. Marilah kita sama-sama menghadiahkan bacaan Al-Fatihah untuk arwah. Semoga beliau dihimpunkan bersama para solehin. Al-Fatihah.

Sebagai orang yang beriman amatlah penting kita menerima kematian dengan cara dan adab Islam antaranya Istirja' (Mengucapkan Innalillahi wainna ilaihi rojiun) apabila menerima berita kematian.

Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 dan 156 :

Maksudnya: "Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (Iatu) orang-orang yang apabila mereka di timpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan :

"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".

Puisi untuk Arwah Yusnidzam,

Apabila tiba masa yang dijanjikan
Tidak cepat atau lewat walau sesaat
Nama yang dipanggil tetap akan pergi
Selamat berangkat pulang sahabat
Kami irangi dengan doa dan Al-Fatihah
Semoga mendapat khusnul khotimah
Serta ditempatkan di kalangan
orang-orang yang beriman dan
beramal soleh
Buat isteri dan anak-anak arwah
Berpeganglah dengan tali Allah
Himpunlah kekuatan, teruskan perjalanan
Masa akan merawat hati yang ditinggalkan
Serahkan segalanya kepada Ilahi
Kerana kepadaNya semua akan kembali.

PENGURUSAN PSA RAIKAN HARI LAHIR KETUA JMSK

Oleh : Norhayati binti Majid

Pada 21 Oktober 2020, sebagai tanda penghargaan kepada staf, Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail sempat meraikan Hari Lahir Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman, Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Majlis diadakan sebaik selesai Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi PSA. Majlis ringkas ini adalah sempena ulang tahun ke 47 tahun beliau. Semoga sihat, ceria dan mendapat keberkatan umur serta sentiasa di dalam rahmat Allah. Sanah helwah Tuan Haji!



PSA RAIKAN MAJLIS PERPISAHAN PN. SITI FATIMAH BINTI WAHAB

Oleh : Norhayati binti Majid



Pada 14 September 2020 Unit Perpustakaan telah mengadakan satu Majlis Perpisahan menghargai Pn. Siti Fatimah Wahab yang bertukar ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Majlis ini turut dihadiri Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, Puan Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, dan Dr. Bibie Sara binti Salleh, Ketua Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti. Beliau akan ditempatkan di Unit Antarabangsa dan Strategik, Perpustakaan Negara Malaysia. Beliau telah berkhidmat di PSA selama 17 tahun. Sepanjang tempoh tersebut beliau telah menjadi Ketua Unit Perpustakaan selama 15 tahun iaitu dari 2003 sehingga Julai 2018. Sehubungan dengan itu, Pn. Akmal bt. Hj. Salleh, yang sebelum ini bertugas di Perpustakaan JAKIM telah masuk ke PSA untuk menggantikan Pn. Siti Fatimah. Terima kasih dan semoga terus cemerlang di tempat baharu.



TAHNIAH DR. ZUNUWANAS MOHAMAD, PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK DI POLITEKNIK BAGAN DATUK!

Oleh : Nurul Huda binti Mohamad Saleh

Pada 2 Oktober 2020, JKE telah mengadakan Majlis Perpisahan bagi meraikan Dr. Zunuwanas yang akan berpindah ke Politeknik Bagan Datuk bermula 21 September 2020. Majlis ini turut dihadiri oleh Puan Zalina binti Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik dan Puan Hanizah binti Anaitullah, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Ini adalah perpindahan keluar yang kedua bagi Dr. Zunuwanas dari PSA sejak berkhidmat dari 1999. Beliau pernah berpindah ke Politeknik Sultan Idris Shah dari 1 April 2011 sehingga 21 Jun 2012. Selain itu beliau juga pernah mendapat cuti belajar untuk menyambung pengajian di peringkat PhD pada 28 Disember 2008 hingga 22 Jun 2012.

Selama 20 tahun berkhidmat di PSA, beliau telah menyandang banyak jawatan samada di peringkat PSA mahupun JPPKK. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di PSA adalah sebagai Ketua Program Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Perubatan) (AEU) pada 2012 hingga 2014,



Ketua Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Perubatan) dengan Kepujian (BEU) pada 2014 hingga 2016 dan Ketua Kecemerlangan Latihan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat pada 2016 hingga 2019.

Manakala di peringkat JPPKK pula beliau telah dipilih sebagai Ahli Mesyuarat Jawatankuasa subcommittee Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti pada 2019 dan Ahli Jawatankuasa Work Based Learning Politeknik pada 2018. Kepakaran beliau dalam bidang Elektronik Perubatan dipertingkatkan dengan mengikuti beberapa siri latihan latihan di hospital antaranya di Pusat Perubatan UKM (3 bulan) dan Hospital Bayreuth, German (3 bulan) pada 2007. Beliau juga berpeluang menjalani latihan sabatikal di Hospital, Madrid Spain selama 1 minggu pada 2014.

Kepakaran dan dedikasi beliau telah diiktiraf dengan dinaikkan pangkat sebagai sebagai Timbalan Pengarah Akademik di Politeknik Bagan Datuk. Selamat maju jaya dan semoga terus memacu kecemerlangan di tempat baharu. Tahniah dan syabar Dr. Zunuwanas.

KELAHIRAN ANAK

Oleh : Azleena binti Basiron

PUAN AZMA HUSNAIZA BINTI ABDUL AZIZ, JABATAN PERDAGANGAN

Nama Anak : Nayli Maisarah binti Ahmad Suhaimi
Tarikh Lahir : 23 November 2020
Tempat Lahir : Hospital Shah Alam
Anak No. : 5

Alhamdulillah dan Tahniah

PUAN KHADIJAH BINTI CHE MOHAMOOD, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Nama Anak : Muhammad Yusuf Anaqi bin Mohamad Shukri
Tarikh Lahir : 7 Oktober 2020
Tempat Lahir : Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai
Anak No. : 2

PUAN MARZIANA BINTI MAHAMUD UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Nama Anak : Aimy Mardhiyah binti Mohd Adzrul
Tarikh Kelahiran : 4 Mac 2020
Tempat Lahir : Perlis
Anak No. : 3

EN. NUR IZWAN BIN BERAHIM JABATAN PENTADBIRAN

Nama Anak : Nur lynaz Ayana binti Nur Izwan
Tarikh Lahir : 24 Jun 2020
Tempat Lahir : Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang
Anak No. : 4

PUAN NURUL FAZILAH BINTI SAMURI, UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Nama Anak : Isaac Ibrahim bin Mohd Fahrin
Tarikh Lahir : 10 Disember 2020
Tempat Lahir : Hospital Shah Alam
Anak No. : 3

PUAN KHAIRUL ZAYANIE BINTI MOHAMMAD AKHIR, UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Nama Anak : Izz Zara Afiyah binti Azri
Tarikh Lahir : 15 Februari 2020
Tempat Lahir : Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Anak No. : 3

PUAN NORBAITI BINTI RIDZUAN, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT.

Nama Anak : Izz Muhammad bin Mohd. ledzatt ledzman.
Tarikh Lahir : 25 Oktober 2020
Tempat Lahir : Hospital Shah Alam
Anak No. : 2

BERITA KAKITANGAN (JUN HINGGA DISEMBER 2020)

Oleh : Norlina binti Ahmad

Berpindah Keluar

Bil	Nama	Jawatan	Gred Hakiki/ Memangku	Tarikh Tukar	Jabatan	Penempatan Baru
1	Nastasa binti Abdul Samat	Pensyarah	DH48(M)	16 Jun 2020	JKA	Bhg. Ambilan Dan Pembangunan Pelajar, JPPKK
2	Dr. Syafizwan Nizam bin Mohd Faroque	Pensyarah	DH48(M)	16 Jun 2020	JKE	Bhg. Koordinasi TVET, JPPKK
3	Masriani binti Mansor	Pensyarah	DH48(M)	16 Jun 2020	JKE	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
4	Syed Abdul Rahman bin Syed Mohamed	Pen. Peg. Tadbir	N32	13 Julai 2020	Asrama	PPD, Kuala Selangor, KPM
5	Siti Fatimah binti Wahab @ Hj Abdul Fatah	Pustakawan	S44	3 Ogos 2020	Perpustakaan	Perpustakaan Negara
6	W. Shahida binti W. Ab Shukor	Jurutera	J44	19 Ogos 2020	UBI	Ibu Pejabat JKR Malaysia
7	Auzaimah binti Omar	Setiausaha Pejabat	N29	1 Sept 2020	JPEN	Kementerian Kesihatan Malaysia
8	Dr. Zunuwanas bin Mohamad	Setiausaha Pejabat	DH52(M)	21 Sept 2020	JKE	Politeknik Bagan Datuk Perak
9	Wan Mohd Hafizu bin Wan Junus	Pen. Jurutera	JA29	2 Nov 2020	JKM/UBI	Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Kem. Alam Sekitar & Air
10	Khairul Zayanie binti Mohammad Akhir	Juruteknik Komputer	FT17	23 Nov 2020	UTM	Sek. Men. Keb. Jeram, Selangor
11	Zulkefli bin Munip	Pembantu tadbir kewangan	W22 (TBBK)	21 Dis 2020	JPG	Pej. Pendaftaran Negara Kementerian Penerangan
12	Abdul Sharif bin Abd Kadir	Pegawai Perhubungan Awam	S44	11 Nov 2020	JPEN	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, KL

Bertukar Masuk

Bil	Nama	Jawatan Baru	Gred Hakiki/ Memangku	Tarikh Lapor	Jabatan
1	Nur Liyana binti Khalid Khan	Pensyarah, PPPT	DH48(M)	19 Jun 2020	JMSK
2	Nur Zahirah binti Mohd Ghazali	Pensyarah, PPPT	DH48(M)	19 Jun 2020	JMSK
3	Pushpalatha A/P Appanaidu	Pensyarah, PPPT	DH48(M)	22 Jun 2020	JKE
4	Norhafizan binti Ibrahim @ Mat Nor	Penyelia Asrama	N22	22 Julai 2020	JHEP/ Asrama
5	Fatin Syamimi binti A Bakar @ Md Amin	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	22 Jun 2020	JPENT
6	Akmal binti Hj. Mohd Salleh	Pustakawan	S44	3 Ogos 2020	Perpustakaan
7	Abu Hanifah bin Misdar	Jurutera	J44	24 Ogos 2020	UBI

Bertukar Masuk

Bil	Nama	Jawatan Baru	Gred Hakiki/ Memangku	Tarikh Lapor	Jabatan
8	Salina binti Mistam	Setiausaha Pejabat	N29	1 Sept 2020	JPENT
9	Muhammad Faizal bin Mat Noor	Penolong Jurutera	JA29	2 Nov 2020	UBI/JKM
10	Siti Haslina binti Thalji	Juruteknik Komputer	FT19	23 Nov 2020	UTM
11	Pushpa A/P Jegannathan	Pensyarah/ PPPT	DH48	4 Dis 2020	JKE
12	Siti Bariah binti Bakar	Pembantu Tadbir Kew	W22	21 Dis 2020	Unit Kewangan

Lantikan Baru

Bil	Nama	Jawatan Baru	Gred Hakiki/ Memangku	Tarikh Lapor	Jabatan
1	Nurul Hidayah binti Yusli	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	22 Jun 2020	JPEN
2	Nurul Aini binti Nufzi	Pembantu Operasi	N11	27 Jul 2020	JPEN
3	Mohammad Firdaus bin Raduan	Pensyarah, PPPT	DH41	27 Ogos 2020	JPG
4	Intan Syafiqah binti Mohd Shah	Pensyarah, PPPT	DH41	27Ogos 2020	JPG

Pertukaran Dalaman

Bil	Nama	Jawatan Baru	Gred Hakiki/ Memangku	Tarikh Lapor	Jabatan	Jawatan/Penempatan Baru
1	Azalela binti Punari	Pensyarah	DH42	16 Jan 2020	JMSK	Peg. Peperiksaan, UPEP DH41
2	Siti Noryanie binti Yusof	Pensyarah	DH44	27 April 2020	UPLI	JPA
3	Junnaini binti Johan	Pensyarah	DH44	27 April 2020	UPEP	JPA
4	Norhayati binti Che Husin	Pensyarah, PPPT	DH44	27 April 2020	JMSK	JKE

Bil	Nama	Jawatan Baru	Gred Hakiki/Memangku	Tarikh Lapor	Jabatan	Jawatan/Penempatan Baru
5	Daliela binti Ishamuddin	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKA	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Awam
6	Nur Suriza binti Mohamad	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKE	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
7	Norhafizah binti Hashim	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKM	Peg. Perhubungan Dan Latihan Industri DH44
8	Amirah binti Mohd Arif	Pensyarah	DH41	4 Mei 2020	JKM	Peg. Perhubungan Dan Latihan Industri DH41
9	Nurus Sadiqin binti Abdul Razak Khan	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKM	Ketua Program Sijil Penyelenggaraan Mekanikal (Khas)
10	Roslan bin Kamaruddin	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKM	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan)
11	Mohd Nasir bin Kamaruddin	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JKM	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal
12	Siti Zaliha binti Omar	Pensyarah	DH41	4 Mei 2020	JPG	Pegawai Jaminan Kualiti
13	Norsyila binti Rashid	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JPG	Ketua Program Diploma Pengajian Perniagaan
14	Siti Rawaidah binti Mohd Razikin	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JPG	Ketua Program Insurans
15	Azma Husnaiza binti Abdul Aziz	Pensyarah	DH44	1 Jun 2020	JPG	Ketua Program Pengajian Perniagaan Antarabangsa
16	Husniyati binti Adnan	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JMSK	Peg. Peperiksaan, UPEP DH41
17	Siti Mariam binti Rejab	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	JMSK	Ketua Kursus Komputer
18	Suriani binti Daud	Pensyarah	DH44	4 Mei 2020	UPLI	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kawalan)
19	Sarah Afzan binti Abd Karim	Pensyarah	DH44	16 Nov 2020	JKA	Ketua Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan

Cuti Belajar

Bil	Nama	Jawatan	Gred Hakiki/Memangku	Tarikh Cuti Belajar	Tempat Belajar	Jabatan
1	Ernie binti Zulkifli	PPPT	DH48(M)	12.10.2020-13.04.2022	UKM	JKA
2	Fatimahwati binti Hamzah	PPPT	DH48	19.10.2020-18.10.2022	UPM	JKA
3	Zazurah binti Mat Zuini	PPPT	DH44	12.10.2020-13.04.2022	UTM	JKA
4	Siti Khadijah binti Yusof	PPPT	DH48	5.10.2020-4.10.2022	UiTM	JPG
5	Rozita Halina binti Rosli	PPPT	DH48	5.10.2020-4.10.2022	UKM	JPG
6	Mazrul Hisyam bin Ab Malik	PPPT	DH44	5.10.2020-4.10.2022	UiTM	JPG
7	Mohd Nor Hafiz bin Salleh	PPPT	DH44	5.10.2020-4.10.2022	UiTM	JPG
8	Syarifah Noor binti Deraman	PPPT	DH44	5.10.2020-4.10.2022	UiTM	JKM

PENERBITAN PSA

Oleh : Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Berikut adalah sinopsis buku-buku yang telah diterbitkan pada tahun 2020.

- 1 The Best Practice for Final Year Project oleh Dr. Bibie Sara binti Salleh.
- 2 Life Assurance oleh Mohd. Nor Hafiz bin Salleh, Rohayah binti Adiman, Siti Khadijah binti Yusof dan Siti Rawaidah binti Mohd Razikin.




This is a simple illustrative book that will guide students throughout final year project. This book is not like a thesis or an ordinary book that requires time to read because it simplifies to 10 simple steps for students to follow one by one. This book will provide a clear illustrative guide with real examples from the best final year project from PSA -BOLER, the one that accomplished tremendous achievement.

- 3 Coaching Kit : Transform Your Ideas to Create a Prototype oleh Umi Kalthom binti Abdullah, Nor Zarina binti Pitdin dan Maziharita binti Mahamood.




COACHING Kit is produced for the use of students who are undertaking marketing plan and product courses or Several templates of powerpoint slide for presenting to anyone who wants to learn about prototypes. The authors realize the importance of having knowledge and understanding before start to develop any prototypes. This coaching kit will help students to generate ideas earlier and thus save the educator's time in explaining on how to build a good prototype.




"DPN30053 Life Assurance" merupakan kursus wajib bagi Program Diploma Insurans yang hanya ditawarkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Penulisan buku ini bermula pada sesi JUN 2018 dan draf pertama buku berkenaan telah lengkap dan digunakan oleh pelajar pada sesi JUN 2020. Dari masa kesemasa buku ini akan dilakukan penambahan sejajar dengan perkembangan industri insurans di Malaysia. Rujukan bagi penulisan akan sentiasa ditambah baik bagi memastikan maklumat terkini dapat dikongsikan bersama oleh pelajar. Hasil inisiatif daripada 4 orang pensyarah telah mejudikan buku tersebut dengan nota dan isi kandungan mudah difahami dan mengikuti 80% daripada silibus pelajaran serta kos yang berpatutan telah mengatasi kekangan yang dihadapi oleh pelajar sebelum ini. Buku ini juga telah mendapat no ISBN daripada perpustakaan Negara Malaysia.

This is the exposure of the prototype students can produce their own handmade prototypes within a set period of time or before they said deadline. For those who are interested to know what a prototype is and its importance are encouraged to use Coaching Kit as a guide. The important tips are shared with students in producing home-made prototypes and to find a prototype developer in the market before entering the market.

- 4** Highway Laboratory : Student Laboratory Labsheet oleh Mai Azuna binti Meor Yusuf, Arduniwati binti Ahmad dan Zurina Safee.



- 5** Terokai Bisnes Cara Digital oleh Rozita Halina binti Rosli dan Norliza Ab. Halim.



Manual makmal dalam 'Highway Laboratory' ini telah disusun untuk mendidik dan mempersiapkan graduan Kejuruteraan Awam POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH mengenai pengetahuan asas kerja praktikal untuk tujuan perancangan, reka bentuk dan penilaian jalan raya dan lalu lintas. Semua eksperimen dalam manual ini merangkumi kurikulum Diploma Kejuruteraan Awam. Setiap eksperimen yang dijelaskan bermula dengan konsep teori yang jelas secara ringkas, diikuti dengan prosedur 'langkah demi langkah' yang mudah untuk melakukan eksperimen. Jadual, angka dan formula yang berkaitan disediakan untuk mempermudah rakaman data yang diperhatikan dan kerja analisis. Diharapkan buku panduan ini dapat digunakan secara meluas oleh para pelajar dan kuliah, sehingga dapat mempromosikan arahan makmal yang dikendalikan secara sistematik dan berkualiti dalam kerja-kerja makmal kejuruteraan lalu lintas dan lebuhraya.


Buku ini mengisahkan pengalaman sebenar penulis bersama usahawan muda memborong di pusat pemborongan paling besar iaitu Negara China. 60 ke 70 peratus barang di sekeliling kita diperbuat dari Negara China. Barang yang dibeli dari sumber utama Negara China boleh dipasarkan secara meluas dengan menggunakan aplikasi automasi digital seperti Facebook dan Instagram. Buku ini bukan sekadar rujukan dan panduan memborong di GuangZhou China malahan penulis turut berkongsikan ilmu kepakarannya dalam bidang keusahawanan digital. Bagi usahawan yang baharu memulakan perniagaan 9 Building Blocks Business Model Canvas adalah satu kerangka yang perlu digunakan untuk melihat keseluruhan perancangan perniagaan hanya dengan sehelai kertas sahaja.

- 6** Kshoppe Chillax : Inovasi Pendidikan Keusahawanan oleh Premier Entrepreneurship Centre (PEC).


Keusahawanan merupakan satu bidang yang kini menjadi aspek utama dalam memastikan kemandirian pelajar-pelajar politeknik di seluruh Malaysia. Berdasarkan keadaan ekonomi yang tidak menentu di seluruh dunia dewasa kini, aspek keusahawanan perlu ditanam di dalam diri setiap bakal graduan politeknik dalam memastikan bahawa lepasan politeknik ini mampu berdikari dan tidak hanya menanti kerjaya berpendapatan tetap yang semakin sukar diperolehi. Ramai usahawan muda tidak mempunyai ruang perniagaan tetapi mempunyai keinginan untuk memulakan perniagaan. Menyewa ruang atau premis perniagaan memerlukan kos yang tinggi dan memulakan satu perniagaan baharu memerlukan komitmen yang menyeluruh. KShoppe Chillax merupakan sebuah platform inovasi pendidikan keusahawanan yang dibangunkan bagi membuka peluang pelajar mempraktikkan ilmu perniagaan dan keusahawanan dalam lapangan kerja sebenar. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) terbahagi kepada 4 Jabatan Akademik iaitu Perdagangan, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Mekanikal. Setiap program pengajian yang ditawarkan di PSA mempunyai kursus wajib am berkredit iaitu Kursus DPB2012 Entrepreneurship dan kursus DPB5063 Digital Entrepreneurship Development diwajibkan sebagai kursus teras di Jabatan Perdagangan. Keberkesanan kursus ini akan tercapai melalui pengaplikasian ilmu dan kemahiran yang pelajari di dalam bilik darjah di lapangan kerja sebenar iaitu melalui platform KShoppe Chillax. KShoppe Chillax telah dibangunkan lengkap dengan peralatan dan keperluan pengoperasian sebuah kedai peruncitan hasil usahasama politeknik dan Federal Agriculture of Marketing Association (FAMA).



- 7 Pengelolaan Aktiviti Sukan Berkredit edisi kedua oleh Noor Hayati binti Mat Taib, Wahida binti Mohamad Noor dan Jamaliah binti Jaafar.



- 8 Statistics Workbook oleh Noor Suriani binti Nazruddin dan Ahmad Yusri bin Abd. Nasir.



Sinopsis buku : Buku Pengelolaan Aktiviti Edisi 2 ini merupakan buku rujukan yang lengkap dan ditulis khas untuk kegunaan pelajar dan pensyarah Politeknik Malaysia. Kandungan buku ini adalah berdasarkan silibus yang terkini bagi kursus kokurikulum Sukan Berkredit (MPU24011) di politeknik-politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Bahan pembelajaran yang komprehensif ini dirancang dan diatur mengikut topik dan dipersembahkan secara sistematik dan terperinci serta bahasa yang mudah difahami.

Antara lain tujuan buku ini dihasilkan adalah sebagai rujukan kepada pelajar tentang kaedah atau cara pengelolaan aktiviti dan seterusnya dapat melaksanakan aktiviti dengan berkesan. Selain itu, buku ini boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah yang dapat disampaikan kepada pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang berguna kepada para pelajar. Semoga buku ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada para pensyarah dan pelajar bagi kecemerlangan seterusnya meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia.

Selamat Maju Jaya.

“The best preparation for tomorrow is doing your best today.”

- H. Jackson Brown, Jr.

Don’t judge each day by the harvest you reap but by the seeds that you plant.

- Robert Louis Stevenson


Kursus DPB 1013 Statistics merupakan kursus wajib bagi semester 1 dan 2 merentas semua program Diploma di seluruh politeknik di Malaysia. Kursus ini merangkumi 7 topik iaitu pengenalan kepada Statistics, persempahan data, ukuran kecenderungan pusat, ukuran penyebaran pusat, korelasi dan regresi, ujian hipotesis dan konsep asas kebarangkalian. Buku ini dikarang selaras dengan sukanan pelajaran terkini yang ditetapkan, merangkumi tujuh bab penting di dalam sukanan pelajaran kursus DPB 1013 Statistics di seluruh politeknik di Malaysia.

Buku ini memfokuskan usaha agar para pelajar dapat meningkatkan tahap penumpuan serta minat terhadap subjek pengiraan iaitu DPB 1013 Statistics di samping panduan dan tunjuk ajar daripada pensyarah di bilik kuliah. Dalam erti kata lain, teori dan praktikal bergerak seiring bagi memastikan tahap kemahiran pelajar meningkat.

Struktur kursus ini ialah 3 jam kredit dengan 60 jam pertemuan untuk satu semester. Penulisan buku ini bermula pada sesi Jun 2016 dan draf pertama buku ini telah lengkap dan diguna pakai oleh pelajar pada sesi Dis 2016 sehingga kini. Dari semasa ke semasa, penambahbaikan akan dibuat agar buku ini sesuai dan relevan sejajar dengan perkembangan dan kehendak industri.



- 9** Investment 1st edition oleh Yusmina binti Yusuf dan Hanita binti Adnan.



- 10** Bengkel Asas Woodball 3 Penjuru oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, PSA dan BSN.



Tujuan utama modul ini dihasilkan adalah untuk memperkenalkan kepada para pelajar tentang kursus pelaburan. Aspek penting dalam kandungan buku ini adalah aset kewangan seperti saham, bon dan unit amanah yang terdiri daripada simpanan yang berisiko rendah ke pembelian saham yang berpotensi risiko tinggi di Bursa Saham Malaysia. Pengetahuan tentang pelaburan saham ini adalah penting bagi mereka yang berminat untuk terjun dalam bidang ini. Selain itu, pelaburan yang betul dan sah dapat menjamin kehidupan yang bebas hutang di masa hadapan.

**'There are no secret to success.
It is the result of preparation,
hard work and learning from failure.'**


- Colin Powell

Sukan woodball merupakan satu sukan yang baru di Malaysia, ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan malahan mula menjadi popular di pelbagai lapisan masyarakat dan juga intitusi pengajian. Buku bengkel asas woodball ini diterbitkan bertujuan untuk menjadi rujukan serta garis panduan kepada penganjuran bengkel woodball yang menepati standard piawaian antarabangsa. Penganjuran bengkel pada standard tinggi merupakan elemen utama dalam dalam memastikan penganjuran kejohanan yang baik sekaligus dapat melahirkan atlet yang berwibawa untuk bersaing di pentas antarabangsa. Buku ini memperincikan secara jelas tentang sudut teknikal penganjuran, teknikal & pengadilan serta permainan, menerusi panduan ini, ia amat memudahkan bagi sesiapa juga untuk memahami keperluan penganjuran bengkel. Aspek piawaian antarabangsa amat ditekankan kerana ia menjadi suatu keperluan untuk mendapat pengiktirafan International Woodball Federation (IWBF) bagi segala penganjuran kejohanan, mekanisma ini perlu diterapkan ke dalam pemahaman setiap individu dalam komuniti woodball tanah air dalam memastikan sukan ini mampu mengharumkan nama negara ke peringkat global.

- 11** Buku Panduan dan Peraturan Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



Buku ini diterbitkan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pelajar PSA sepanjang mengikut pengajian di Politeknik ini. Pembelajaran alam kampus pastinya berbeza dengan alam persekolahan. Justeru itu, semua pelajar harus bersedia mental dan fizikal untuk mengorak langkah lebih jauh kehadapan. Kami di jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa prihatin terhadap pembelajaran, kebajikan, disiplin, kecermelangan dan pembangunan pelajar. Semoga buku panduan ini dapat memanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pelajar PSA. Selamat maju jaya.



This laboratory manual and lab sheet are designed to provide the students with "hands-on" experience in water quality laboratory test and to create an atmosphere where the student will be required to communicate and write the experimental problem and result in a formal report.

All the experiment in this book are being covered in DCC5172 in water quality laboratory for Semester 5, Diploma of Civil Engineering for polytechnic's student and also CC607 -Water and Wastewater Engineering for Semester 6. This laboratory is compulsory to student for their continuous assessment. Apart of that, this book also can be used at others related learning institution which have same laboratory equipment and procedure as stated in this book.

It is the responsibility of the student to perform required preparation for lab work. This lab sheet can


give some student ideas for preparation before arriving the lab. Going through this book, student will understand the step by step procedure of water quality test before perform the lab work. This will reduce the potential of the student to make mistake in performing the laboratory test hence it also reduce accident and injuries in laboratory.

From this manual, student are expected to report their findings in a professional manner, both orally and writing, as well as to demonstrate technical competence. It is the student's responsibility to know and understand the report writing guidelines. For the lecturers who teach this subject, this manual and lab sheet can reduce the workload of lecturers to mark their student laboratory report in convenient ways.

Tinta Premier dahulu dikenali dengan nama Buletin PSA. Tinta Premier menghimpunkan seluruh aktiviti yang berlaku di PSA bagi memberi inspirasi kepada warga untuk terus mencetuskan kejayaan demi kejayaan. Maklumat yang dihimpunkan di dalamnya dapat dijadikan rujukan bagi akan datang.

Dan tetaplah memberi peringatan,
kerana sesungguhnya
peringatan itu bermanfaat bagi
orang-orang yang beriman.

QS Adz-Dzariyat : 55



NETIZEN KAGUM VIDEO KREATIF OLEH SHAFFUAN, SISWA JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Oleh : Norhayati binti Majid

Kisah Mohd. Shaffuan bin Mustafa, 20, telah menjadi tular baru-baru ini selepas beliau memuatnaik satu video di tik tok. Beliau merupakan penuntut Diploma Kejuruteraan Mekanikal di bawah Penasihat Akademik Dr. Asnizah binti Sahekhaini.

Beliau telah berjaya menghasilkan video kreatif yang meraih jumlah tontutan tinggi di media baru. Melalui video yang telah dimuatnaik di tik tok itu, beliau telah meraih 207 ribu tanda suka dengan 1.3 juta tontonan. Selain itu di twitter, video beliau telah meraih 5835 ciapan dengan 1.2 juta tontonan. Video tersebut berdurasi 10 minit dengan konsep seseorang yang sedang mencari sesuatu dalam dirinya. Beliau sebenarnya tidak mengenali lelaki yang menjadi subjek di dalam videonya yang beliau temui di Bukit Bintang. Lelaki tersebut bersetuju apabila dipelawa menjadi subjek dan beliau terus merakam video tersebut. Video yang dihasilkan beliau ini telah menerima pujian dari netizen yang kagum dengan kebolehan beliau dan menyifatkan video tersebut setaraf dengan video berkonsep sama yang dihasilkan di luar negara.



Walaupun masih bergelar siswa Shaffuan telah berjaya membuat pendapatan dengan kemahiran membuat video yang dimilikinya. Sehingga kini beliau telah menghasilkan video untuk artis seperti Mira Filzah dan Caprice untuk video Baby Sayang, Sakit (Zynakal dan Yonnyboii) dan BAL (Caprice, MK, Tuju dan Zynakal).

Sebenarnya beliau telah berjinak-jinak dengan penghasilan video seawal usia 16 tahun. Menurut Shaffuan, beliau mempelajari ilmu menghasilkan melalui youtube sahaja. Dari masa ke semasa beliau berharap dapat meningkatkan kemahirannya menghasilkan video yang lebih baik. Selamat maju jaya kepada Shaffuan dan semoga kisah beliau ini menyuntik semangat kepada siswa lain supaya memanfaatkan gajet di tangan masing-masing untuk menghasilkan pendapatan yang menguntungkan.

Gambar sumber dari Mstar

<https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2020/08/16>.

VIRAL

Videographer sanggup 'tebal muka' dekati lelaki tak dikenali di Bukit Bintang, aksi 10 minit je... hasil video, wow luar biasa!

Ahad, 16 Ogos 2020 2:00 PM
Oleh: MOHD IZZAT MOHD KHALIZAN

TikTok

@mshaffuan07

Spotted this man so i decided to ask him if he's Lepas ni dia down for a fili shoot. #tiktokguru #makeupguru

sound - mshaffuan - (Cont)

1.3M views, 3.5K shares

More data

SEKALUNG PENGHARGAAN



LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



PERBADANAN MUZIUM NEGERI PAHANG



FOOD BANK MALAYSIA



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM (YaPIEM)



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS)



YTL FOUNDATION



TINTA PREMIER

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

PERSIARAN USAHAWAN, SEKSYEN U1

40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : +603-5163 4000

Fax : +603-5569 1903

Website : www.psa.edu.my